

**Jurnal Bahasa**  
**Jilid 5 • Bil. 1 • 2005**

**KETUA EDITOR**  
Padilah Haji Ali  
(padilah@dbp.gov.my)

**EDITOR**  
Selina Lee Sai Fa  
(selina@dbp.gov.my)

**LEMBAGA EDITORIAL**  
Prof. Dr. Haji Awang Sariyan (Universiti Putra Malaysia, Malaysia)  
Prof. Dr. Anton Moeliono (Universitas Katolik Atma Jaya, Indonesia)  
Prof. Madya Dr. K. A. Adelaar (The University of Melbourne, Australia)  
Prof. Dr. Bernd Nothofer (Goethe-Universität Frankfurt)

---

**PENGERUSI LEMBAGA  
PENGELOLA**  
Tan Sri Kamarul Ariffin Mohamed Yassin  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH**  
Haji Abu Bakar Mohamad  
**PENGARAH PENERBITAN**  
Dato' Dr. Anwar Ridhwan  
**KETUA BAHAGIAN PENYELARASAN PENERBITAN  
DAN KAWAL SELIA PENSWASTAAN**  
Haji Abd. Razak Abd. Aziz

**PENERBIT**  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Peti Surat 10803  
50926 Kuala Lumpur

Harga RM10.00

***Hadih Ikhlas***  
Bahagian Majalah  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Lampiran 3

MAJALAH  
30418

*Jurnal Bahasa* diterbitkan empat kali setahun, iaitu pada bulan Mac, Jun, September, dan Disember oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Terbitan pertama bermula pada bulan Mac 2001. © Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat semula, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tujuan jurnal ini adalah untuk mengembangkan bidang linguistik dalam bahasa Melayu. Sumbangan ahli dan sarjana linguistik dialu-alukan. Makalah hendaklah diberikan abstrak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Semua makalah akan dinilai.

Pendapat yang dikemukakan dalam jurnal ini merupakan pendapat penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Semua surat-menyurat hendaklah dialamatkan kepada Editor, *Jurnal Bahasa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel.: 03-21482254, 03-21481011. E-mel: [jb@dbp.gov.my](mailto:jb@dbp.gov.my). Faks: 603-21484208

#### URUSAN LANGGANAN

Unit Khidmat Pelanggan  
Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037 Jalan Au 3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-41074233, 41074286  
Faks: 03-41084235  
<http://www.dawama.com>

#### PENCETAK

Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037 Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN

Penyumbang	iv
Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain <i>Noriah Mohamed</i> <i>Meriam Abd. Karim</i>	1
Transmorfofonologisasi Suprafiks: Dialek Patani Merentasi Zaman <i>Paitoon M. Chaiyanara</i>	51
Asimilasi Dialek Melayu Kelantan dan Dialek Thai Kelantan dalam Bahasa Cina Peranakan Kelantan <i>Teo Kok Seong</i>	68
Impak Konotasi Budaya terhadap Leksis: Satu Kajian Semantik Berasaskan Korpus ke Atas Perkataan Perempuan dan Wanita <i>Hajar Abdul Rahim</i>	83
Peranan Kohesi dalam Membina Ketekstualan Teks Berita Arab Dalam Talian <i>Mohd Azidan Abdul Jabar</i>	112
Protokol Pemikiran Verbal dalam Pemahaman Bacaan Teks Bahasa Melayu <i>Noor Aina Dani</i> <i>Zaleha Abd. Rahman</i>	136
Teori Konsep dalam Terminologi: Kajian Kes Istilah Budaya Melayu <i>Puteri Roslina Abdul Wahid</i>	172

## PENYUMBANG

**Noriah Mohamed** Profesor Madya dan pensyarah linguistik di Universiti Sains Malaysia sejak tahun 1992. Sesuai dengan bidang pengkhususannya, beliau banyak menulis makalah yang berkaitan dengan sosiolinguistik, linguistik sejarah dan linguistik bandingan. Selain itu, beliau juga seorang pengkaji bahasa yang tekun dan aktif membentangkan kertas kerja di dalam dan di luar negara. Buku beliau yang bertajuk *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama* telah memenangi tempat kedua bagi Anugerah Penerbitan MAPIM – Fuji Xerox 2000.

**Meriam Abd. Karim** Guru Kanan Bahasa di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bijaya Setia, Sungai Petani, Kedah, memperoleh Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Sains Malaysia dengan pengkhususan dalam bidang Linguistik Bahasa Melayu.

**Paitoon M. Chaiyanara** Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Beliau pernah bertugas sebagai pensyarah di Universiti Prince of Songkla Pattani, Thailand, Universiti Sains Malaysia, Universiti Brunei Darussalam, dan sebagai pensyarah terbang untuk Program Pascasarjana, Universitas Sumatera Utara, Indonesia. Beliau juga pernah bertugas sebagai pegawai penyelidik bahasa di Bahagian Peristilahan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.

**Teo Kok Seong** Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga pernah bertugas sebagai pensyarah tamu dalam bidang Linguistik dan Bahasa Melayu di Universiti Brunei Darussalam pada 2001, dan di Moscow State University pada 2003. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian Kelas Pertama) dalam bidang Pengajian Melayu jurusan Linguistik dari Universiti Malaya pada 1982, Ijazah Sarjana Persuratan dalam bidang Linguistik dan Bahasa Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1986, dan Ph.D pada 1993 dari University of California, di Berkeley, Amerika Syarikat dalam bidang Linguistik. Beliau banyak menyumbang kepada perkembangan bahasa dan linguistik Melayu.

Banyak tulisan beliau disiarkan dalam media, majalah, dan jurnal tempatan. Beberapa tulisan beliau turut diterbitkan di luar negara. Antaranya ialah buku yang berjudul *The Peranakan Chinese of Kelantan: A Study of the Culture, Language and Communication of an Assimilated Group in Malaysia*, yang diterbitkan di London.

**Hajar Abdul Rahim** pensyarah di Universiti Sains Malaysia sejak 1994. Beliau mempunyai latar belakang Pengajian Bahasa Inggeris dan TESL dengan pengkhususan dalam bidang Semantik. Kini, beliau menumpukan perhatian utama dalam bidang penyelidikan nahu/leksis berasaskan korpus berkomputer.

**Mohd Azidan Abdul Jabar** pensyarah di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Linguistik Bahasa Arab dan Analisis Wacana Bahasa Arab serta Linguistik Am. Beliau sangat aktif membentangkan kertas kerja dalam seminar kebahasaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara buku yang dihasilkan beliau ialah *Kamus Istilah Linguistik (Melayu – Inggeris – Arab)*, *Bahasa Arab I*, *Bahasa Arab II*, dan *Bahasa Arab IV*.

**Noor Aina Dani** Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Psikolinguistik dan Linguistik Terapan. Beliau banyak membuat penyelidikan tentang bahasa Melayu dan menyumbangkan artikel dalam pelbagai jurnal terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka seperti *Dewan Bahasa*, *Pelita Bahasa*, *Rampak Serantau*, di samping artikel untuk setiap keluaran Monograf Jabatan Bahasa Melayu yang pada masa ini sudah berjumlah 10 keluaran. Beliau ialah ahli dalam Jawatankuasa Penilai Penyelidikan Fundamental, Universiti Putra Malaysia, ahli dalam Jawatankuasa Penilai Penyelidikan IRPA bagi Sains Sosial (EA) Universiti Putra Malaysia, Pengasas Persatuan Psikolinguistik Malaysia, dan ahli panel Jawatankuasa Penggubal Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu STPM untuk tahun 2000.

**Zaleha Abdul Rahman** guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail, Kemaman, Terengganu. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama pada 1994 dan Ijazah Sarjana dalam Linguistik Melayu pada 2004.

**Puteri Roslina Abdul Wahid** pensyarah dan Ketua Jabatan Penyelidikan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum memegang jawatan sebagai pensyarah di Universiti Putra Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang Linguistik Terapan dan Ph.D dalam bidang Psikolinguistik. Beliau banyak menyumbangkan makalah yang berkaitan dengan penterjemahan, terminologi, pengajaran dan pembelajaran bahasa, dan psikolinguistik. Terbitan terkini beliau ialah sebuah buku tentang psikolinguistik yang berjudul *Bahasa Antara*.

## PENGGUNAAN BAHASA MELAYU KREOL CHETTI MELAKA: SATU ANALISIS DOMAIN<sup>1</sup>

*Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim*

### Abstrak

Penutur bahasa Melayu kreol Chetti Melaka merupakan sekelompok penutur yang unik kerana walaupun mereka orang India Tamil, dialek Melayu merupakan bahasa ibunda mereka. Kajian ini bertujuan menganalisis corak pemilihan bahasa di kalangan penutur bahasa ini berdasarkan domain-domain tertentu. Pendekatan domain Fishman (1972) telah dimanfaatkan untuk tujuan ini. Sebanyak tujuh domain, iaitu kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan, keagamaan, jual beli (transaksi), pendidikan, pekerjaan, dan pemerintahan telah digunakan. Secara keseluruhan, analisis mendapati bahawa bahasa Melayu kreol Chetti Melaka ini masih digunakan secara meluas dalam domain kekeluargaan dan keagamaan.

### Abstract

*The speakers of the Malacca Chetties creole Malay is a unique group because although they are of Indian Tamil origin, the Malay dialect is their mother tongue. This study analysed the pattern of language choices amongst the speakers of this language based on selected domains. Fishman's domain approach (1972) was adopted for this purpose. A total of seven domains namely, family, neighbourhood and friendship, religious, transactional, educational, occupational, and governmental domains were used. The findings of this study revealed that the Malacca Chetties creole Malay is extensively used in the family and religious domains.*

<sup>1</sup> Makalah ini merupakan sebahagian daripada laporan kajian tajaan IRPA Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia yang bertajuk "Deskripsi Leksiko-Fonologi Bahasa Kreol Melayu Chetti Melaka" yang dijalankan dari bulan April 2004 hingga Mei 2006.

MAJALAH  
2004/05

## Pengenalan

Makalah ini membincangkan pemilihan bahasa dalam komuniti Chetti, yakni sebuah komuniti kacukan yang terdapat di Gajah Berang, Melaka. Pemilihan bahasa yang dimaksudkan akan dianalisis berdasarkan pendekatan domain pemilihan bahasa yang dicadangkan oleh Fishman (1972). Bahagian yang berikut akan menjelaskan maksud istilah Chetti dan domain penggunaan bahasa yang digunakan dalam makalah ini selanjutnya.

### Pengertian Chetti

Sorotan literatur menunjukkan bahawa terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk merujuk kepada perkataan Chetti. Antara perkataan yang dimaksudkan ialah *Chetty*, *Chetin*, *Chati*, *Chatin*, *Chettijn*, *Sitty*, dan sebagainya (Moorthy, 1997:40). Dari segi etimologi, perkataan ini berasal daripada bahasa Malayalam, *chetti*; Tamil, *shetti* atau Telugu, *sett*.<sup>2</sup>

Bagi masyarakat umum, Chetti bermakna orang India Selatan daripada kasta Chettiar yang menetap di Kampung Keling, Melaka dan menjalankan kegiatan meminjamkan wang. Dengan yang demikian, perkataan ini membawa konotasi peminjam wang. Dari satu segi, memang perkataan Chetti membawa makna peminjam wang yang disebut *nagarathar nattukkottai chettians* (Rabeendran, 1976:6) yang sehingga sekarang masih wujud di Kampung Keling, Melaka.

Dari sudut yang lain, terdapat satu lagi komuniti yang disebut Chetti dan komuniti ini tidak kena-mengena dengan komuniti Chetti golongan peminjam wang ini. Golongan Chetti yang dimaksudkan ini merupakan golongan Peranakan Hindu Melaka. Masyarakat ini terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara pedagang India Selatan dengan wanita tempatan di Melaka pada abad ke-16. Dalam hal ini, pedagang dari India Selatan,<sup>3</sup> khususnya pedagang Tamil beragama Hindu<sup>4</sup> yang datang ke Asia Tenggara

2 Pada 20 Februari 2004, salah seorang ahli Jawatankuasa Kebudayaan Masyarakat Chetti menyatakan bahawa ejaan bagi perkataan Chetti yang diterima sekarang ialah Chetti. Ejaan ini akan digunakan dalam makalah ini selanjutnya.

3 Boleh dikatakan semua pedagang India ini terdiri daripada orang lelaki. Halangan agama dan budaya membataskan pergerakan wanita India untuk berhijrah ke seberang laut.

4 Pedagang India Muslim mengahwini wanita Melayu, sama ada wanita biasa atau anak orang besar Melaka. Perkahwinan campur antara pedagang Tamil Islam dengan wanita Melayu melahirkan generasi darah keturunan Keling atau mamak. Golongan ini dikenali sebagai Jawi Pekan/Pukan/Bukan/Peranakan dan kebanyakannya terdapat di Pulau Pinang

pada sekitar abad ke-16 itu telah berkahwin atau tinggal bersama-sama perempuan Melayu,<sup>5</sup> Jawa, Batak atau Cina. Perkahwinan campur ini telah melahirkan golongan Peranakan Hindu Melaka. Mereka juga disebut Hindu Peranakan atau *Indian Babas*. Akibat proses perkahwinan campur, wajah mereka lebih kemelayuan (mongoloid), tidak seperti wajah orang India Selatan.

Penempatan utama komuniti ini sekarang adalah di Kampung 7, Gajah Berang Melaka, yakni kira-kira 1.6 kilometer dari pusat bandar raya Melaka (sila rujuk Peta Lakar 1). Semua keluarga Chetti berkenaan menetap di kampung ini sejak enam keturunan sebelum ini (Narayanasamy, 1976:21). Pada masa ini, jumlah anggota komuniti ini semakin mengecil, yakni hanya terdapat kira-kira 200 anggota dengan 30 buah keluarga.

Selain percampuran wajah, perkahwinan campur antara orang Tamil Hindu dengan wanita tempatan ini telah melahirkan satu bentuk amalan budaya yang unik di kalangan komuniti ini. Sekiranya diteliti, didapati bahawa di satu pihak golongan ini kekal mengamalkan aspek-aspek kehidupan orang India beragama Hindu, dari sudut yang lain pula, mereka menyerap dan mencampurkan budaya-budaya lain, khususnya budaya Baba Nyonya dan Melayu dalam kehidupan sehari-hari. Misalnya dari segi bahasa, didapati bahawa bahasa ibunda komuniti ini ialah sejenis bahasa Melayu. Unikunya, bahasa Melayu Chetti ini, sebagaimana aspek budaya Chetti yang lain, memperlihatkan kacukan beberapa budaya.


### Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka

Walaupun dari segi status bahasa masih boleh dibahaskan, Grimes (1996) melabelkan bahasa orang Chetti ini sebagai sejenis kreol, dan menamakannya bahasa Melayu kreol Chetti [*Chetties Creole Malay* (BMKC selanjutnya)] atau bahasa Melayu kreol Melaka (*Malacca Malay Creole*).

(Noriah, 2003b; Fujimoto, 1988). Jawi Pekan ini berbeza dengan Chetti kerana mereka beragama Islam dan mengamalkan cara hidup orang Melayu (Rabeendran, 1976:3).

5 Menurut Rabeendran (1976:6) perkahwinan peniaga Hindu ini dengan wanita Melayu mungkin berlaku lebih awal, iaitu sebelum kedatangan Islam ke Melaka atau ketika zaman peralihan Hindu-Islam. Hal ini demikian kerana agama Islam tidak membenarkan lelaki Hindu mengahwini wanita Melayu Islam (Sandhu dan Wheatley, 1983:180). Walau bagaimanapun, berdasarkan temu bual dengan orang Chetti didapati bahawa memang terdapat perkahwinan antara lelaki beragama Hindu dengan wanita Melayu Islam. Wanita ini telah menganut agama Hindu tanpa disedari oleh keluarga wanita itu atau Jabatan Agama Islam.

**Peta lakar 1.1**  
**Kedudukan Kampung Chetti di Melaka**



Sumber: Pamflet Muzium Chitty Melaka, 2003.

Kreol merupakan sejenis bahasa pijin yang telah mantap penggunaannya dan mempunyai komuniti penuturnya yang tersendiri. Pada asalnya, kreol merupakan bahasa pijin, yakni bahasa yang digunakan dalam konteks pertembungan, terutamanya di pasar atau pusat perniagaan, oleh manusia yang datang dari latar belakang, kaum atau keturunan yang berbeza.

Bahasa pijin memperlihatkan campur aduk sistem, sekurang-kurangnya dua bahasa. Apabila berlaku pertembungan bahasa, penutur bahasa yang kurang dominan (substratum) akan mencampuradukkan sistem bahasa yang lebih dominan (superstratum) dalam sistem bahasanya sendiri. Sebagai contoh, salah satu bahasa pasar di Malaysia, iaitu bahasa Melayu pasar yang berasaskan bahasa Melayu memperlihatkan campur aduk kosa kata bahasa Melayu dengan nahu bahasa Tamil. Misalnya, ungkapan "Saya rumah misjid belakang juga ada" membuktikan campur aduk ini. Dalam konteks ini, bahasa Melayu kreol Chetti memperlihatkan campur aduk bahasa Melayu, bahasa Tamil, dan sedikit bahasa Inggeris, dan disebabkan bahasa Melayu merupakan bahasa yang dominan, maka kreol ini diberi nama mengikut bahasa yang dominan, iaitu bahasa Melayu kreol Chetti.

Apabila bahasa pijin menjadi bahasa ibunda sesebuah komuniti, maka bahasa ini dikenali sebagai bahasa kreol. Berbanding dengan bahasa pijin, bahasa kreol memperlihatkan perkembangan dari segi kosa kata, nahu, gaya, dan sebagainya kerana keperluan untuk menampung fungsinya sebagai bahasa ibunda. Bahasa Chetti boleh dianggap sebagai bahasa kreol kerana memenuhi kedua-dua ciri ini, iaitu mempunyai komuniti penutur ibunda dan terdapat perkembangan dari segi linguistik bahasa ini.

Walaupun sudah mempunyai komuniti penutur ibunda, dalam konteks pertembungan bahasa ini dengan bahasa Melayu standard di Malaysia, BMKC dianggap sebagai bahasa yang minoriti sifatnya. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa utama yang digunakan dalam situasi rasmi lisan dan penulisan. Pertembungan dengan bahasa Melayu menyebabkan penutur bahasa ini semakin mengecil. Hal ini dibantu oleh faktor masyarakat Chetti yang berpendidikan, lebih selesa menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris. Menurut Moorthy (1997:40), penggunaan bahasa ini hanya ketara di kalangan keluarga Chetti yang mempunyai generasi tua.

Kini, BMKC semakin hari semakin kurang digunakan kerana generasi baharu masyarakat ini mula menggunakan bahasa Inggeris secara meluas. Sebahagian daripada mereka pula berkahwin dengan orang India Tamil dan anak-anak mereka dididik dengan bahasa Tamil. Masyarakat ini mula mencari identiti asal mereka dan sedar bahawa mereka berketurunan India

dan seharusnya menguasai bahasa Tamil. Cara yang paling baik untuk menguasai semula bahasa Tamil yang telah pupus tersebut adalah dengan cara mengahwini lelaki atau wanita Tamil (Roslan, 1994). Keinginan yang tinggi di kalangan masyarakat Chetti untuk kembali menguasai bahasa Tamil dan budaya Hindu merupakan satu kehilangan kepada pakar-pakar bahasa, budaya, dan sejarah kerana masyarakat ini seolah-olah menjadi muzium hidup yang menggambarkan zaman kegemilangan Melaka pada 500 tahun yang lalu. Memandangkan jumlah penutur kreol yang semakin mengecil, akan tiba masanya apabila semua generasi tua penutur bahasa ini sudah tiada, kemungkinan besar bahasa kreol juga akan pupus bersama-sama mereka.

Dari segi kajian, BMKC kurang mendapat liputan pengkaji-pengkaji bahasa sebelum ini kerana bahasa ini dianggap tidak jauh berbeza dengan dialek Melayu yang lain, terutamanya dialek Melaka Tengah (Mangantar dan Ramli, 1980:56). Selain itu, kehidupan orang-orang Chetti ini sangat sederhana dan tidak menonjol berbanding dengan kaum Baba Nyonya. Bahasa kreol Baba Nyonya mendapat liputan yang meluas kerana bahasa berkenaan agak berbeza dengan bahasa Melayu dan kebetulan pula kaum Baba Nyonya amat terkenal, sama ada dari segi kekayaan ataupun kejayaan memegang jawatan tinggi dalam kerajaan (Wee, 1979:60).

Berdasarkan sebab-sebab yang dikemukakan, maka pengkaji berpendapat bahawa kajian dan pendokumentasian ciri-ciri bahasa ini perlu dilakukan dengan segera sebelum bahasa ini pupus dan tidak diketahui oleh generasi akan datang.

Disebabkan terdapat juga anggapan bahawa BMKC semakin kurang digunakan dalam kehidupan masyarakat Chetti ini, pengkaji berasa perlu diteliti kebenaran pandangan ini dengan cara meninjau dan mengenal pasti penggunaan BMKC. Berdasarkan huraian ini, dapatlah dipastikan sama ada BMKC ini masih merupakan bahasa yang dominan atau tidak dalam masyarakat Chetti. Dengan yang demikian, makalah ini akan bertumpu kepada huraian penggunaan BMKC dan pendekatan yang diambil untuk menghuraikan aspek ini ialah pendekatan domain penggunaan bahasa.

### Teori dan Konsep Domain

Teori domain yang dikemukakan oleh Fishman (1972:435-453) menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam masyarakat bahasa, khususnya yang berlatarbelakangkan masyarakat pelbagai bahasa (*multilingual*). Dalam hal ini, huraian Fishman (1972:435-436) bertumpu kepada penelitian hubungan aspek linguistik dengan kategori sosial. Konsep kunci yang

digunakannya ialah domain yang bertujuan mengaitkan pemilihan bahasa yang spesifik kepada sfera dan institusi aktiviti yang umum, dalam sesebuah masyarakat atau antara masyarakat yang berbeza. Secara khusus, domain bermaksud rumpun situasi sosial<sup>6</sup> yang secara tipikal dikawal oleh set rumus perilaku yang lazim<sup>7</sup> atau sebaliknya. Kaitan antara kedua-dua unsur digambarkan dalam definisi domain yang diutarakan oleh Fishman (1972:442). Menurutny, domain ialah:

“... suatu gagasan sosiobudaya yang diperoleh daripada topik komunikasi, hubungan antara penghubung dan tempat peristiwa komunikasi, selaras dengan institusi sesuatu masyarakat dan sfera aktiviti pertuturan masyarakat yang sedemikian rupa sehingga pola sosial dan perilaku seseorang individu dapat dibezakan daripada yang lain, namun masih dapat dikaitkan antara satu sama lain ...”

Berdasarkan definisi yang dikemukakan di atas, topik, hubungan peranan, dan tempat digabungkan dengan pilihan bahasa yang khusus, merupakan antara faktor penting yang menyumbang kepada pembentukan domain. Contohnya, jika seorang ibu dan anaknya (pemeran) bercakap tentang hal-hal kekeluargaan dan rumah tangga (topik), dan tempatnya di rumah (latar), maka domain ini dinamakan domain keluarga. Domain-domain utama dalam sesebuah masyarakat termasuklah rumah dan institusi sosial lain, seperti sekolah, tempat kerja, dan tempat beribadat.

Walau bagaimanapun, Fishman (1972:442) selanjutnya menyatakan bahawa “daripada banyak-banyak faktor yang menyumbang dan tergolong di bawah konsep domain, sesetengah daripadanya adalah lebih penting dan lebih mudah diteliti berbanding dengan yang lain.” Misalnya, Asmah (1991:177) menyatakan bahawa antara faktor yang terdapat atau terjadi di sekeliling penutur yang menjadi asas kepada pembentukan domain ialah keadaan alam, jenis pekerjaan, makanan, sistem sosial dan budaya, unsur kesenian, adat istiadat, agama, pendidikan, jantina, dan daerah asal. Berdasarkan kepentingan faktor-faktor yang membentuk domain, maka jumlah

6 Fishman (1972:14-17) bertumpu kepada norma-norma perilaku yang dilihatnya sebagai rumus-rumus *jural* atau kelaziman yang bersifat kolektif. Struktur sosial dianggap sebagai rumus-rumus *jural* yang tetap. Rumus-rumus ini dianggap konvensional dan apabila dipatuhi perilaku lazimnya dianggap normal. Sebaliknya, kegagalan mematuhi rumus-rumus menyumbang kepada perilaku menyimpang.

7 Dalam hal ini, perilaku lazim yang dimaksudkan ialah penggunaan bahasa.

domain dalam sesebuah komuniti berbeza antara satu dengan yang lain. Sebagai contoh, Schmidt-Rohr yang membuat kajian terhadap penutur bahasa Jerman sebelum Perang Dunia Kedua telah membahagikan domain dalam masyarakat tersebut kepada sembilan bahagian, iaitu domain keluarga, padang permainan dan jalan, sekolah, gereja, sastera, surat khabar, tentera, mahkamah, dan pentadbiran kerajaan (Gumperz dan Hymes, 1972:435). Sibayan (1988) pula telah menggunakan tiga domain sahaja, iaitu domain kawalan, separa kawalan, dan domain bukan kawalan sewaktu melaksanakan kajiannya terhadap penggunaan bahasa di Filipina.

Keperluan faktor-faktor yang membentuk domain bergantung pada masyarakat tertentu pada masa tertentu. Hal ini kerana setiap masyarakat mengamalkan budaya yang berbeza yang mengelaskan persekitarannya kepada kategori persekitaran yang diskret. Sesebuah komuniti dijangka peka terhadap domain-domain di tempat berlakunya interaksi khusus dalam masyarakat mereka. Dengan yang demikian, penggunaan bahasa dalam domain-domain khusus ditentukan dan dipersetujui secara kolektif. Sebagaimana struktur sosial, penggunaan bahasa dan norma perilaku juga dilihat sebagai rumus-rumus *jural* yang tetap, yakni yang didefinisikan sebagai kelaziman yang dipisahkan daripada perilaku individu atau bersifat konvensional.

## ANALISIS DOMAIN PENGGUNAAN BMKC

### 1. Bilangan Domain

Sebanyak tujuh domain telah digunakan dalam kajian ini. Domain-domain tersebut ialah domain kekeluargaan, domain kejiranan dan persahabatan, domain keagamaan, domain transaksi, domain pendidikan, domain pemerintahan, dan domain pekerjaan. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis sikap pandangan masyarakat Chetti terhadap penggunaan BMKC, bahasa Melayu standard (BMS), bahasa Inggeris (BI), bahasa Cina (Hokkien) (BC), bahasa Melayu kreol Baba Nyonya (BBN), dan bahasa Melayu pasar (BMP) dalam aspek-aspek tertentu.

### 2. Bilangan Informan Mengikut Umur, Jantina, Taraf Pendidikan, dan Taraf Pekerjaan

Seramai 60 orang informan daripada pelbagai latar belakang, umur, jantina, taraf pendidikan, dan taraf pekerjaan telah digunakan dalam kajian ini. Jadual 1.1 yang berikut memaparkan bilangan informan mengikut umur.

Jadual 1.1 Bilangan informan mengikut umur.

Bil.	Informan	Umur	Pendidikan*	Pekerjaan	Kebolehan bahasa
1	Informan 1	84	Darjah 3	Pesara	BMKC/BI
2	Informan 2	79	Darjah 3	Suri rumah	BMKC
3	Informan 3	76	Darjah 3	Suri rumah	BMKC/BT
4	Informan 4	75	Darjah 3	Suri rumah	BMKC
5	Informan 5	73	Darjah 3	Suri rumah	BMKC
6	Informan 6	73	Darjah 3	Pengawal bank	BMKC/BI
7	Informan 7	70	Darjah 2	Suri rumah	BMKC/BI
8	Informan 8	66	Darjah 7	Pengawas Muzium Chetti	BMKC/BI
9	Informan 9	57	LCE	Pesara	BMKC/BI
10	Informan 10	57	Darjah 4	Suri rumah	BMKC/BI
11	Informan 11	57	LCE	Pesara	BMKC
12	Informan 12	55	—	Pencuci	BMKC/BI
13	Informan 13	54	Tingkatan 3	Pekerja kerajaan	BMKC/BI
14	Informan 14	54	Darjah 5	Penarik beca	BMKC/BI/BC
15	Informan 15	53	Darjah 4	Mekanik bas	BMKC/BI
16	Informan 16	53	Darjah 3	Penarik beca	BMKC/BI/BT/BC
17	Informan 17	50	LCE	Pesara	BMKC/BI/BT/BC
18	Informan 18	50	Tingkatan 3	Tukang jahit	BMKC/BI/BT
19	Informan 19	49	—	Pencuci pejabat	BMKC
20	Informan 20	49	Tingkatan 3	Suri rumah	BMKC/BI
21	Informan 21	48	Tingkatan 3	Pembantu makmal	BMKC/BI
22	Informan 22	48	Tingkatan 1	Pekerja kilang	BMKC/BI/BT
23	Informan 23	47	—	Pencuci pejabat	BMKC/BBN
24	Informan 24	45	Tingkatan 3	Kerja rumah	BMKC/BI
25	Informan 25	45	Tingkatan 5	Pekerja kilang jam	BMKC/BI
26	Informan 26	44	Sarjana	Pensyarah	BMKC/BI
27	Informan 27	44	Tingkatan 3	Pekerja swasta	BMKC

8 Maksud akronim dan singkatan di dalam kolom ini dan bahagian lain makalah ini adalah seperti yang berikut: SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), MCE (Malaysia Certificate of Education), PMR (Penilaian Menengah Rendah), LCE (Lower Certificate of Education), dan Tadika (Taman Didikan Kanak-kanak).



sambungan Jadual 1.1.

Bil.	Informan	Umur	Pendidikan	Pekerjaan	Kebolehan bahasa
28	Informan 28	44	Tingkatan 3	Pekerja swasta	BMKC/BI
29	Informan 29	43	Ijazah Sains	Peniaga	BMKC/BI
30	Informan 30	42	Tingkatan 3	Pekerja swasta	BMKC/BI/BC
31	Informan 31	41	MCE	Pegawai penjara	BMKC/BI
32	Informan 32	40	Tingkatan 3	Pekerja swasta	BMKC
33	Informan 33	39	Diploma	Pekerja swasta	BMKC/BI
34	Informan 34	36	Tingkatan 3	Pekerja swasta	BMKC/BI
35	Informan 35	36	Ijazah	Guru	BMKC/BI
36	Informan 35	36	SPM	Kerani	BMKC/BI
37	Informan 37	35	SPM	Guru tadika	BMKC/BI
38	Informan 38	34	SPM	Hotel	BMKC/BI
39	Informan 39	34	SPM	Jururawat	BMKC/BI
40	Informan 40	28	SPM	Pembantu makmal	BMKC/BI
41	Informan 41	28	Tingkatan 3	Atendan pam minyak	BMKC/BI
42	Informan 42	27	Tingkatan 5	Pekerja swasta	BMKC/BI
43	Informan 43	27	Tingkatan 5	Pekerja swasta	BMKC/BI/BC
44	Informan 44	24	SPM	Pekerja swasta	BMKC/BI
45	Informan 45	23	Universiti	Pelajar universiti	BMKC/BI
46	Informan 46	22	SPM	Jururawat	BMKC/BI/BI
47	Informan 47	21	SPM	Penganggur	BMKC/BI
48	Informan 48	18	STPM	Pelajar	BMKC/BI/BI
49	Informan 49	18	SPM	Pelajar	BMKC/BI/BC
50	Informan 50	18	SPM	Pelajar	BMKC/BI
51	Informan 51	17	Tingkatan 5	Pelajar	BMKC/BI/BBN
52	Informan 52	17	Tingkatan 5	Pelajar	BMKC/BI
53	Informan 53	15	Tingkatan 3	Pelajar	BMKC/BI
54	Informan 54	14	Tingkatan 2	Pelajar	BMKC/BI
55	Informan 55	14	Tingkatan 2	Pelajar	BMKC/BI/BBN
56	Informan 56	14	Tingkatan 2	Pelajar	BMKC/BI
57	Informan 57	13	Tingkatan 1	Pelajar	BMKC/BI
58	Informan 58	11	Darjah 5	Pelajar	BMKC/BI/BI
59	Informan 59	9	Darjah 3	Pelajar	BMKC/BI/BI
60	Informan 60	6	Tadika	Murid tadika	BMKC

Informan dalam kajian ini terdiri daripada 23 orang informan lelaki dan 37 orang informan perempuan. Informan perempuan lebih ramai kerana kebanyakan informan lelaki keluar bekerja atau keluar dari rumah semasa kajian dilaksanakan.

Taburan informan mengikut tahap pendidikan adalah seperti dalam Jadual 1.2 yang berikut:

Jadual 1.2 Taburan informan mengikut taraf pendidikan.

Tahap pendidikan	Bilangan
Ijazah dan diploma	5
SPM atau MCE	17
PMR atau LCE	20
Sekolah rendah	10
Tadika	1
Tiada pendidikan	7
Jumlah	60

Taburan informan mengikut jenis pekerjaan adalah seperti dalam Jadual 1.3 di bawah.

Jadual 1.3 Jenis-jenis pekerjaan di kalangan informan.

Jenis pekerjaan	Bilangan
Pekerja kerajaan	5
Pekerja swasta	28
Pesara (kerajaan)	4
Suri rumah	8
Pelajar universiti	1
Pelajar sekolah	12
Murid tadika	1
Penganggur	1
Jumlah	60

Dalam kajian ini, informan telah mengisi borang pemilihan bahasa dalam tujuh domain yang dipilih. Sebanyak 55 soalan telah dijawab oleh informan dalam borang soal selidik yang diberikan, 44 daripadanya ialah soalan yang berkaitan dengan domain penggunaan bahasa, manakala 11

soalan lagi tentang sikap dan pandangan informan terhadap penggunaan BMKC dan bahasa lain. Soalan soal selidik untuk kedua-dua bahagian dipaparkan dalam Lampiran 1. Taburan penggunaan bahasa dalam masyarakat Chetti Melaka dipaparkan dalam Jadual 1.14 di Lampiran 2.

### 3. Analisis Penggunaan BMKC dalam Tujuh Domain Pilihan

Bahagian ini akan memaparkan data-data dan huraian pilihan bahasa dalam tujuh domain yang dipilih, iaitu domain kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan, keagamaan, transaksi, pendidikan, pemerintahan, dan pekerjaan.

#### (a) Domain Kekeluargaan

Jadual 1.4 yang berikut memaparkan analisis bagi domain kekeluargaan.

Jadual 1.4 Analisis domain kekeluargaan.

Nombor soalan dan soalan			BMKC	BMKC dan BI	BI	BMKC /BI/BI	Jumlah informan
1	Bercakap dengan datuk dan nenek.	Bil.	59	1	-	-	60
		%	98	2	-	-	100
2	Bercakap dengan ibu dan bapa.	Bil.	44	16	-	-	60
		%	73	27	-	-	100
3	Bercakap dengan ipar dan mentua.	Bil.	26	9	1	2	38
		%	68.4	23.6	2.63	5.26	100
4	Bercakap dengan suami isteri.	Bil.	15	14	-	-	29
		%	51.7	48.2	-	-	100
5	Bercakap dengan saudara-mara.	Bil.	27	29	1	3	60
		%	45	48.3	1.7	5	100
6	Ketika makan bersama-sama keluarga.	Bil.	27	29	3	1	60
		%	45	48.3	5	1.7	100
7	Bercakap dengan adik-beradik.	Bil.	29	31	-	-	60
		%	48.3	51.7	-	-	100

Dalam analisis domain kekeluargaan, kajian ini membahagikan informan kepada tiga kumpulan seperti yang berikut:

Jadual 1.5 Pembahagian kumpulan mengikut umur dan status.

Kumpulan	Umur dan status	Bilangan
G1	Berusia antara 57-80 tahun dan telah bercucu.	9
G2	Berusia antara 28-56 tahun dan telah mempunyai anak.	32
G3	Berusia 27 tahun ke bawah dan belum berkahwin.	19
JUMLAH		60

Berdasarkan Jadual 1.5, dapat dilihat bahawa BMKC digunakan apabila informan bertutur dengan datuk dan nenek (G1), iaitu 98%. Hal ini demikian kerana kebanyakan datuk dan nenek yang berusia 60 tahun ke atas tidak mahu atau tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Walaupun ada antara mereka yang berpendidikan Inggeris di peringkat sekolah rendah, mereka lebih selesa menggunakan BMKC apabila bercakap dengan ahli keluarga. Hanya seorang informan (2%) yang menggunakan BMKC/BI semasa bertutur dengan datuk dan nenek. Dalam keluarga ini, penggunaan BMKC dan BI sama-sama dominan. Datuk dalam keluarga ini ialah seorang atlet semasa mudanya dan beliau banyak bergaul dengan rakan-rakan bukan Melayu. Ini menyebabkan perbualannya lebih banyak menggunakan BI berbanding dengan BMKC.

Datuk dan nenek yang lain hanya menggunakan BMKC apabila bertutur dengan G2 dan G3. Keadaan ini lebih ketara di kalangan nenek yang tidak pernah mendapat sebarang pendidikan formal. Nenek ini hanya boleh bertutur dalam BMKC sahaja. Hal ini menyebabkan anak-anak dan cucunya hanya menggunakan BMKC apabila bertutur dengan mereka. Walaupun BMKC merupakan bahasa yang dominan, terdapat juga sepatah dua perkataan Tamil seperti *pati* untuk nenek dan *tata* untuk datuk digunakan. Sebagai menghormati orang tua, kumpulan G2 dan G3 hanya menggunakan BMKC apabila bertutur dengan datuk dan nenek mereka.

Dalam domain ini, hubungan peranan memainkan peranan utama. Peranan pemeran yang berbeza mengikut umur memberikan kesan kepada pemilihan bahasa di rumah, agama dan dalam komuniti (Maya, 2001:41). Dalam kajian-kajian tentang pengekalan bahasa etnik, didapati pemeran yang lebih tua memainkan peranan penting. Menurut Clyne (1991:114),

“... kanak-kanak bertindak sebagai agen anjakan bahasa, manakala datuk dan nenek menjadi pemangkin penggunaan bahasa sesuatu komuniti.”

Keadaan mula berubah apabila perbualan dilakukan dengan ibu dan ayah. Ibu dan ayah ialah anggota kumpulan G2 yang berusia antara 28–56 tahun. Berdasarkan jadual, dapat dilihat bahawa hanya 73% informan yang berinteraksi menggunakan BMKC sepenuhnya dengan ibu dan bapa mereka. Sebanyak 26.6% informan menggunakan BMKC/BI apabila bertutur dengan ibu bapa mereka. Fenomena ini sangat ketara di kalangan informan yang berusia 20 tahun ke bawah. Ibu bapa mereka kebanyakannya mendapat pendidikan di sekolah Inggeris, sama ada di peringkat sekolah rendah atau sehingga tingkatan tiga sekolah menengah. Ini mengakibatkan penggunaan BI yang meluas di kalangan ahli keluarga. Ada antara informan yang berkahwin dengan wanita Tamil dan pemilihan bahasa di kalangan anak-anak semakin pelbagai. Oleh sebab bahasa Tamil tidak difahami oleh suami, keluarga ini mengambil jalan tengah untuk bertutur dalam BI yang difahami oleh semua ahli keluarga. Ini menyebabkan penggunaan BMKC dan BI sama-sama dominan apabila bertutur dengan ibu bapa.

Soalan 3 meninjau pemilihan bahasa ketika berhubung dengan ipar dan mentua. Analisis menunjukkan bahawa BKMC menjadi pilihan utama ketika berhubung dengan ipar dan mentua, iaitu 68.42%. Ini menunjukkan ramai orang Chetti yang berkahwin sesama orang Chetti. Menantu atau mentua bukan Chetti terpaksa menggunakan BMKC ketika berhubung dengan keluarga Chetti. Ini menunjukkan BMKC sangat dominan di Kampung Gajah Berang. Pilihan bahasa yang kedua ialah BMKC/BI, iaitu 23.6%. Peratusan untuk bahasa yang lain amat kecil, iaitu BMKC/BI/BT sebanyak 2% dan BI sebanyak 1%.

Bagi perbualan antara suami dan isteri, kedua-dua BMKC dan BI mempunyai pengaruh yang dominan. Sebanyak 51.7% informan bertutur dalam BMKC dan 48.2% bertutur dalam BMKC/BI. Informan yang bertutur BMKC sepenuhnya ialah pasangan G1 yang berusia 60 tahun ke atas. Pasangan yang lebih muda semakin kerap menggunakan BMKC dan BI apabila bertutur sesama mereka. Semakin muda usia pasangan suami isteri, semakin kerap BI digunakan. Anak-anak pula bersifat dwibahasa dan menguasai kedua-dua bahasa dengan baik. Jika ibu orang Tamil, anak-anak dapat menguasai tiga bahasa, iaitu BMKC, BI, dan BT.

Apabila bercakap dengan saudara-mara yang datang berkunjung, 48.33% informan memilih BMKC/BI, diikuti dengan BMKC, iaitu 45%. Kebanyakan saudara-mara yang tinggal di luar perkampungan Chetti, menggunakan BI dan BMS dalam pertuturan kerana bergaul dengan masyarakat bukan Chetti. Terdapat sebahagian kecil informan yang bertutur dalam BMKC/BI/BT dengan saudara-mara, iaitu 5%. Penggunaan BT amat

kurang walaupun beberapa informan mengahwini orang Tamil.

Soalan 6 meninjau pilihan bahasa ketika makan bersama keluarga. Suasana pada waktu ini sangat mesra dan perbualan selalunya meliputi topik kekeluargaan atau topik yang ringan. Pilihan bahasa ketika makan bersama keluarga ialah BMKC/BI, iaitu 48.3%. Pilihan kedua ialah BMKC, iaitu 45%. Terdapat 5% informan yang menggunakan BI ketika makan bersama keluarga. Kebanyakan informan daripada kumpulan G2 dan G3 memilih BKMC/BI ketika makan bersama keluarga, manakala kumpulan G1 lebih selesa menggunakan BMKC dalam semua situasi. Analisis ini menunjukkan bahawa BMKC/BI merupakan bahasa utama ketika makan dan berehat bersama keluarga.

Analisis dalam Jadual 1.4 juga menunjukkan bahawa penggunaan BI telah mengatasi BMKC dalam pertuturan sesama adik-beradik. Kebanyakan adik-beradik memilih BMKC/BI apabila bertutur sesama mereka, iaitu 51.7%. Hanya 48.3% informan yang menuturkan BMKC sepenuhnya. Keadaan ini berlaku kerana pengaruh rakan sebaya, persekitaran, pekerjaan, dan pendidikan. Sebagai penduduk bandar raya Melaka, mereka terdedah kepada penggunaan bahasa Inggeris yang meluas. Oleh sebab kebanyakan informan bekerja dengan sektor swasta, penggunaan BI sangat penting kerana kebanyakan sektor swasta, seperti kilang dan pasar raya memerlukan pekerja yang mahir berbahasa BI. Keadaan ini mendorong penggunaan BI yang meluas di kalangan adik-beradik. Generasi tua masih mengekalkan BMKC dalam perbualan antara adik-beradik kerana kebanyakan mereka tidak terlalu terdedah kepada suasana perbandaran dan persaingan dalam bidang pekerjaan seperti golongan muda.

Pengalihan kod daripada BMKC kepada BI sangat meluas dalam pertuturan dengan adik-beradik. Topik yang dibincangkan juga mempengaruhi G2 dan G3 untuk bercakap dalam BI sesama adik-beradik. Bagi kumpulan G1, mereka tetap mengekalkan penggunaan BMKC di kalangan adik-beradik. Tidak ada informan yang memilih BT untuk bercakap dengan adik-beradik, walaupun ada seorang dua informan yang boleh berbahasa Tamil.

Gejala penukaran bahasa, iaitu campur kod, alih kod, dan ganti kod antara BMKC dan BI sering berlaku dalam domain kekeluargaan, terutama perbualan di kalangan adik-beradik. Menurut Jamaliah (1995: 94), ketiga-tiga bahasa, iaitu BM, BI, dan bahasa etnik sering mengalami gejala penukaran bahasa di kawasan perbandaran di Malaysia. Keadaan yang sama diperoleh oleh Maya (2001:101) yang mendapati tiga bahasa digunakan oleh masyarakat Sindhi Malaysia, iaitu bahasa Sindhi, bahasa Inggeris dan

bahasa Malaysia. Ketiga-tiga bahasa tersebut saling mengalami gejala penukaran bahasa ini.

Gumperz dan Hymes (1972: 59), mentakrifkan penukaran bahasa atau penukaran kod seperti yang berikut:<sup>9</sup>

“Penukaran kod dalam perbualan dapat ditakrifkan sebagai penyelitan dua sistem atau subsistem kenahuan yang berbeza ke dalam sesuatu ujaran (*speech exchange*) yang sama. Lazimnya, pertukaran tersebut melibatkan dua ayat secara urutan, dan seseorang penutur akan menggunakan bahasa kedua, sama ada untuk mengulang mesejnya atau untuk membalas pernyataan orang lain.”

Menurut Nik Safiah (1992:56), gejala penukaran bahasa ini benar-benar menggambarkan keadaan bahasa dalam peralihan. Dalam keadaan ini, anggota masyarakatnya menggunakan lebih daripada satu bahasa untuk berhubung, tetapi penguasaan mana-mana bahasa yang digunakan dalam keseluruhan perbualan atau percakapan tidak memuaskan. Hal ini dapat dilihat dalam masyarakat Chetti. Gejala penukaran bahasa daripada BMKC kepada BI sangat nyata dalam domain kekeluargaan, ketika perbualan adik-beradik atau perbualan antara suami isteri.

Yang berikut ialah contoh-contoh penukaran bahasa yang terdapat dalam domain kekeluargaan, iaitu perbualan antara tiga orang adik-beradik. Penutur menggunakan BMKC dan BI.

#### Petikan 1.1

- A. Ini jam you ingat bole pegi tak?  
 B. Emm ...  
 A. Ya la, abes sekarang mo pike, bole tak bole?  
 C. If you all cannot, I can go send them, I'l go and fetch you, be cause nearby.  
 A: Abes, dia mo kita amek dia pukol dua belas lima plo.

(\*nota: perkataan dan ayat yang dihitamkan ialah bahasa Inggeris)

9 Petikan ini diterjemah dan muncul dalam kajian Wong (1991:1052). Petikan di dalam tesis ini dirujuk daripada artikel asal oleh Gumperz (1972:59) dan diubahsuai daripada petikan Wong (1991) tersebut.

Yang berikut pula ialah pertuturan antara cucu, datuk, dan anak.

#### Petikan 1.2

- A: Tata, tata, mo pensel  
 B. Wati! kasi Kavinesh ini pen ka pensel!  
 C. Why disturb tata?

(\*nota: perkataan dan ayat yang dihitamkan ialah bahasa Inggeris)

Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas, terutama di kalangan G3 disebabkan penggunaan bahasa tersebut di rumah. Menurut Abdullah (1999:352), sikap ibu bapa didapati mempunyai pengaruh besar terhadap bahasa anak-anak mereka. Ibu memainkan peranan penting dan bertindak sebagai sumber perbualan, orang yang memulakan percakapan, orang yang mengemukakan soalan dan orang yang mendengar cerita dan keterangan daripada anak itu (Nik Safiah, 1992:121). Kebanyakan ibu dalam kumpulan G2 mendapat pendidikan Inggeris di sekolah yang berhampiran, iaitu Methodist Girls School. Walaupun ada antara ibu ini tidak bekerja, mereka menuturkan bahasa Inggeris di rumah bersama-sama suami dan anak-anak. Kebiasaan ini menyebabkan golongan muda, iaitu kumpulan G3 dapat bertutur dalam BI dengan baik.

Penguasaan bahasa Inggeris yang meluas di kalangan masyarakat Malaysia, terutama yang bukan Melayu berpunca daripada Dasar Pendidikan Malaysia yang menekankan penguasaan dua bahasa di kalangan warganegara, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dasar Pendidikan Negara, faktor sejarah dan sosiobudaya telah melahirkan masyarakat Malaysia yang dwibahasa (BM dan BI) atau tribahasa (BM/BI dan bahasa Cina atau bahasa Tamil). Bahasa Inggeris bukan sahaja penting dalam domain pendidikan dan akademik tetapi juga dalam pelbagai domain lain, seperti perdagangan dan perbankan, undang-undang dan kehakiman, serta bidang diplomasi.

Apabila ditinjau pendapat orang Chetti tentang kepentingan bahasa Inggeris, mereka mengatakan bahawa bahasa Inggeris sangat penting untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Di bandar besar seperti Melaka, kebanyakan sektor swasta memerlukan pekerja yang mahir berbahasa Inggeris. Oleh sebab tahap pendidikan masyarakat Chetti di Gajah Berang sangat sederhana, bidang pekerjaan yang diceburi selalunya di sektor perkilangan dan pekerja kurang mahir di sektor swasta. Oleh itu, bahasa Inggeris diberikan penekanan di rumah agar mudah bagi mereka mendapatkan pekerjaan.

Fenomena yang berlaku dalam masyarakat Chetti ini juga berlaku kepada penutur bahasa kreol lain di Melaka, seperti penutur bahasa Kristang dan penutur bahasa Baba Nyonya. Sa'adiah (2001:50) dalam kajiannya terhadap penggunaan bahasa Kristang di Melaka melaporkan bahawa bahasa Kristang sudah mula mengalami peralihan bahasa kepada bahasa Inggeris dalam semua domain. Fenomena yang sama diperhatikan oleh Ding (2001:58) terhadap bahasa Baba Nyonya, apabila semakin ramai anak Baba Nyonya bersekolah Cina dan Inggeris. Beliau berpendapat bahawa bahasa Baba Nyonya sedang mengalami kepupusan kerana bahasa tersebut tidak lagi digunakan di kalangan generasi muda.

Kesimpulannya, BMKC masih dominan dalam domain kekeluargaan, terutama di kalangan generasi tua (G1). Jika kumpulan G1 tiada lagi, penggunaan BI dijangka semakin meluas, terutama di kalangan G3. Sekiranya generasi muda semakin gemar menggunakan BI, suatu hari nanti, BMKC akan mengalami pergeseran bahasa seperti yang berlaku di kalangan masyarakat Cina dan India di Singapura (Gupta dan Siew, 1995:301), dan masyarakat Sindi di Malaysia (Maya, 2001:105), terutama dalam domain kekeluargaan. Selalunya, domain kekeluargaan merupakan benteng terakhir untuk mempertahankan bahasa etnik. Jika BI mengambil alih tempat BMKC dalam domain kekeluargaan, ini merupakan satu petunjuk bahawa BMKC mengalami pergeseran bahasa. Penggunaan BI yang lebih meluas di kalangan G2 dan G3 disebabkan masyarakat ini menganggap BI lebih berprestij berbanding dengan BMKC.

### (b) Domain Kejiranan dan Persahabatan

Jadual 1.6 yang berikut menunjukkan pemilihan bahasa dalam domain kejiranan.

Jadual 1.6 Analisis domain kejiranan.

Nombor soalan dan soalan			BMKC	BMKC dan BI	BMP	BI sahaja	BT	BC	Jumlah informan
9	Jiran yang lebih tua.	Bil.	46	7	6	-	-	1	60
		%	76.6	11.6	10	-	-	1.66	100%
10	Jiran bukan Chetti.	Bil.	10	17	15	6	6	2	60
		%	16.6	28.3	25	16.6	10	3.3	100%
11	Anak jiran bukan Chetti.	Bil.	11	18	10	15	4	1	60
		%	18.3	31.6	16.6	25	6.66	1.6	100%

Berdasarkan Jadual 1.6, dapat dilihat penggunaan bahasa di kalangan masyarakat Chetti apabila berhubung dengan jiran mereka. Kebanyakan informan (76.6%) menggunakan BMKC apabila bertutur dengan jiran yang lebih tua. Hal ini disebabkan jiran tua yang ada di kampung itu tidak tahu bertutur dalam BI. Terdapat juga informan yang bertutur dalam bahasa Melayu pasar (BMP) dengan jiran Cina yang tidak tahu berbahasa BMKC atau BI. Pertuturan dengan jiran bukan Chetti pula menunjukkan sedikit perubahan. Bagi pertuturan dengan jiran bukan Chetti, 16.6% informan menggunakan BMKC dan 28.3% informan menggunakan BMKC/BI.

Jiran bukan Chetti ialah orang Cina dan orang Tamil, sama ada golongan tua atau golongan muda. Sepuluh peratus informan menggunakan bahasa Tamil apabila bertutur dengan jiran India dan 3.3% pula menuturkan bahasa Cina dengan jiran Cina. Pertuturan dengan anak jiran bukan Chetti lebih banyak dalam BMKC/BI, iaitu 31.6%. Terdapat 25% informan Chetti yang bertutur sepenuhnya dalam BI bersama-sama jiran bukan Chetti. Dapat dikatakan bahawa perbualan dengan jiran bukan Chetti lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Melayu. BMKC hanya digunakan apabila bertutur dengan jiran yang lebih tua, termasuk jiran berbangsa Chetti.

Domain kejiranan dan persahabatan terbentuk dalam situasi perhubungan antara penutur dengan jiran dan sahabat. Perbualan berlaku dalam situasi tidak formal dan topik perbualan ialah tentang keluarga, pekerjaan dan gurau senda. Perhubungan antara peserta dalam domain ini selalunya mesra. Tempat berlakunya perbualan tidak menentu, yakni mungkin di rumah, di kedai kopi, di tepi jalan, atau di tempat-tempat berkumpul yang lain. Rumah mereka sangat berdekatan antara satu sama lain. Mereka juga seperti masyarakat Melayu yang suka bertandang dan berbual pada waktu lapang. Pada masa dahulu, wanita-wanita Chetti akan duduk di serambi sambil makan sirih dan berpantun sesama mereka.

Menurut seorang informan, hampir separuh daripada penduduk kampung tersebut ialah orang Cina. Hubungan mereka dengan jiran Cina amat baik dan masyarakat Cina di sini boleh menguasai BMKC. Ada juga jiran Cina yang bertutur dalam bahasa Melayu pasar (BMP). Oleh sebab BMKC sendiri berasal daripada BMP, perbualan dengan jiran Cina tidak menjadi masalah. Perbualan dengan jiran sesama Chetti menggunakan BMKC. Kebanyakan jiran Chetti mempunyai pertalian keluarga yang erat. Perbualan antara jiran dengan jiran yang lebih tua dilakukan dalam BMKC. Jika jiran yang muda, perbualan dilakukan dalam BM/BI. Tidak ada informan yang bertutur dalam bahasa Cina dengan jiran Cina. Kebolehan berbahasa Cina tidak diperoleh di kampung tersebut tetapi di tempat kerja atau di sekolah Cina.

Berkenaan dengan jiran Melayu, mereka tinggal di hujung kampung tersebut, iaitu di belakang Kuil Sri Muthu Mariamman, dan jaraknya lebih kurang 200 meter sahaja dari perkampungan Chetti. Kini, hanya terdapat dua buah keluarga Melayu sahaja yang masih ada di situ. Penduduk kampung di situ telah berpindah ke rumah pangsa Taman Tengkeri kerana tanah di situ milik orang Cina. Menurut seorang informan Melayu (56 tahun) yang dilahirkan dan dibesarkan di kampung tersebut, hubungan masyarakat Melayu dengan masyarakat Chetti sangat rapat. Anak orang Melayu dan Chetti sentiasa bergaul mesra dan bermain layang-layang atau bermain bola bersama-sama. Apabila ada perayaan, mereka saling mengunjungi dan langsung tidak wujud perasaan perkauman. Hanya agama yang memisahkan mereka. Pada pendapatnya, masyarakat Chetti ialah masyarakat yang berbudi bahasa. Semua faktor ini menyebabkan kehidupan dan penguasaan bahasa masyarakat Chetti mirip masyarakat Melayu.

Keadaan telah berubah apabila masyarakat Melayu tersebut berpindah dan generasi muda Chetti hanya mempunyai jiran sekampung berbangsa Chetti dan Cina. Faktor ini menyebabkan penggunaan BI semakin meluas kerana pergaulan dengan bangsa Melayu semakin kurang. Walaupun begitu, masyarakat Chetti masih menghormati perasaan masyarakat Melayu dengan menyediakan makanan yang halal apabila ada sebarang perayaan di kampung tersebut. Semasa majlis perkahwinan, perasaan muhibah pelbagai bangsa ini amat jelas kelihatan. Pengkaji telah dihidangi minuman oleh perempuan Cina, manakala lauk-pauk dihidangkan oleh orang Melayu. Orang Chetti pula menghidangkan manisan dan buah-buahan. Semasa majlis tersebut berlangsung, terdapat tiga jenis bahasa yang dituturkan, iaitu bahasa Melayu, BMKC, dan BI.

Jadual 1.7 memaparkan analisis domain persahabatan. Hanya dua soalan sahaja dikemukakan di bahagian ini. Oleh itu, domain ini dibincangkan bersama-sama dengan domain kejiranan.

Jadual 1.7 Analisis domain persahabatan.

Nombor soalan dan soalan		BMKC	BMKC dan BI	BMP	BI sahaja	BT	BC	Jumlah informan
27 Berbincang dengan kawan rapat.	Bil.	33	5	5	5	5	7	60
	%	55.00	8.33	8.33	8.33	8.33	11.66	100%
28 Menulis surat kepada kawan.	Bil.	12	-	16	9	2	9	48
	%	25.00	28.3	33.33	18.75	4.16	18.73	100%

Jadual 1.7 menunjukkan penggunaan bahasa di kalangan rakan. Kebanyakan rakan orang Chetti ialah anggota masyarakat kampung itu sendiri. Oleh sebab itu, apabila perbincangan diadakan dengan kawan rapat, mereka menggunakan BMKC, iaitu sebanyak 55%. Seramai 8.3% informan menggunakan BMKC/BI, BT atau BMS. Informan yang bertutur dalam BMS mempunyai rakan baik, sama ada di sekolah atau di tempat kerja. Informan yang bertutur dalam BT dengan rakan rapat ialah wanita Tamil yang menjadi isteri lelaki Chetti di kampung tersebut.

Kebanyakan informan menulis surat kepada rakan dengan menggunakan BMS. Manakala 18.75% menggunakan BI apabila menulis surat kepada rakan. Ini menunjukkan kumpulan muda (G3) dalam masyarakat Chetti mempunyai penguasaan yang baik dalam BI, sama ada secara lisan atau tulisan. Masyarakat Chetti mempunyai persahabatan yang baik dengan masyarakat Chetti yang lain kerana mereka mempunyai banyak persamaan, terutama dari aspek bahasa. Malahan ramai antara mereka yang berkahwin sesama masyarakat Chetti kerana ingin mengekalkan keturunan mereka. Ada juga yang berkawan dengan lelaki atau wanita Tamil dan seterusnya mendirikan rumah tangga. Namun wanita atau lelaki tersebut akan menjalani kehidupan sebagai orang Chetti dan bertutur dalam BMKC.

Kesimpulannya, penggunaan bahasa dalam domain kejiranan dan persahabatan adalah pelbagai. Pemilihan BMKC dan BI sama-sama dominan dalam domain ini. Dalam domain persahabatan, BMKC mempunyai pengaruh yang kuat, terutama jika persahabatan tersebut rapat. Apabila menulis surat kepada kawan, informan lebih suka memilih BMS berbanding dengan bahasa lain. Analisis ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih dominan dalam domain persahabatan berbanding dengan bahasa Inggeris. Jika persahabatan biasa atau persahabatan di tempat kerja, mungkin keputusan data ini akan berubah.

(c) Domain Keagamaan

Jadual 1.8 yang berikut memaparkan analisis bagi domain keagamaan.

Jadual 1.8 Analisis domain keagamaan.

Nombor soalan dan soalan		BMK C	BMKC / BI	BMKC / BT	BI	BT	BI dan BT	BMKC / BI / BT	Tidak menjawab soalan	Jumlah informan
13 Berbual dengan tetamu di kuil.	Bil.	29	24	-	2	2	2	-	1	60
	%	49.1	40.6	-	3.38	3.38	3.38	-	1.66	100%

sambungan Jadual 1.8.

Nombor soalan dan soalan			BMK C	BMKC / BI	BMKC / BT	BI	BT	BI dan BT	BMKC / BI / BT	Tidak menjawab soalan	Jumlah informan
14	Majlis akil baligh.	Bil.	46	11	1	1	-	1	-	-	60
		%	76.6	18.3	1.66	1.66		1.66	-	-	100%
15	Bercakap dengan sami di kuil.	Bil.	43	3	3	-	7	1	3	-	60
		%	71.6	5	5	-	11.66	1.66	5	-	100%
16	Majlis Deepavali.	Bil.	32	20	5	-	2	-	1	-	60
		%	53.3	33.3	8.33	-	3.33		1.66	-	100%
17	Upacara Kematian.	Bil.	40	13	3	-	-	2	-	2	60
		%	66.6	21.66	5	-	-	3.33	-	3.33	100%
18	Mesyuarat tentang agama.	Bil.	36	17	3	-	-	1	1	2	60
		%	60	28.3	5			1.66	1.66	3.33	100%
19	Majlis perkahwinan.	Bil.	32	21	2	2	-	1	1	1	60
		%	53.3	35	3.33	3.33	-	1.66	1.66	1.66	100%
20	Sembahyang di kuil.	Bil.	40	3	10	1	6	-	-	-	60
		%	66.6	3	10	1.66	10		-	-	100%
21	Berdoa secara senyap.	Bil.	46	1	6	-	7	-	-	-	60
		%	76.6	1.66	10	-	11.66	-	-	-	100%

Dalam domain keagamaan ini, sebanyak sembilan soalan telah dikemukakan. Soalan-soalan tersebut berhubung kait dengan aspek keagamaan dan adat resam dalam masyarakat Chetti. Berdasarkan Jadual 1.8 di atas, dapat dilihat bahawa BMKC mendapat tempat yang dominan berbanding dengan bahasa lain. Selain BMKC, BI juga digunakan secara bertukar ganti dengan BMKC. Apabila berbual dengan tetamu di kuil, sebanyak 49.1% informan menggunakan BMKC dan 40.6% informan memilih BMKC/BI. Hanya seorang informan (3.38%) memilih BT.

Berdasarkan analisis ini, dapat dikatakan bahawa perbualan di kuil Hindu tidak menggunakan BT tetapi BMKC dan BI. Bagi majlis kelahiran bayi atau majlis akil baligh *sanenggu* yang sering diadakan di rumah, BMKC digunakan dengan meluas, iaitu 76.6%. Begitu juga dengan perayaan seperti Deepavali (53.3%) dan perayaan lain. Bagi upacara kematian, seramai 66.6% menggunakan BMKC manakala untuk majlis perkahwinan, pertunangan, dan sebagainya, 53.3% informan memilih BMKC. Selain BMKC, bahasa lain yang banyak digunakan ialah BI.

Dalam majlis mesyuarat agama Hindu, perbincangan diadakan dalam BMKC sebanyak 60%, manakala BMKC/BI pula ialah 28.3%. Bahasa Tamil sangat kurang digunakan, iaitu hanya 5% sahaja. Perbualan dengan sami Hindu juga dilakukan dalam BMKC, iaitu 71.5%. Sami Hindu di kampung ini boleh bertutur dalam BI kerana ada informan yang bertutur dengannya dalam BMKC/BI, iaitu sebanyak 5%.

Sami yang berkhidmat di kuil kampung tersebut ialah orang Tamil dan dipanggil *pandarom*.<sup>10</sup> Seramai tiga orang informan (5%) bercakap bahasa Tamil (BT) dengan beliau. Bagi acara agama yang lain, seperti sembahyang di kuil, 66.6% informan bersembahyang dalam BMKC, manakala 10% lagi bersembahyang dalam BT. Keputusan yang sama diperoleh ketika berdoa secara senyap, apabila 76.6% informan memilih BMKC untuk berdoa manakala 11.6% peratus pula berdoa dalam BT.

Berdasarkan analisis di atas, dapat dikatakan bahawa BMKC mendapat tempat yang utama dalam domain agama. Hal ini bersesuaian dengan kajian Maya (2001:40) terhadap masyarakat Sindhi di Malaysia, apabila domain agama dapat mengekalkan pengekalan bahasa Sindhi kerana hanya dalam domain tersebut bahasa Sindhi digunakan.

Walaupun BMKC digunakan dengan meluas dalam domain agama, istilah Tamil untuk agama Hindu masih dikekalkan. Hal ini demikian kerana tidak ada kata dalam BMKC yang boleh mendukung makna sesuatu konsep yang ada dalam agama Hindu. Kalaupun ada perkataan dalam BMKC, perkataan tersebut tidak tepat untuk membawa makna yang sama dalam bahasa Tamil. Oleh itu, kata-kata Tamil dikekalkan untuk konsep mujarad yang terdapat dalam agama dan adat resam Hindu.

10 Sami tersebut berusia 47 tahun. Beliau mewarisi pekerjaan tersebut daripada bapa dan datuknya, sejak 80 tahun yang lalu. Menurutnya, amalan agama Hindu di kalangan masyarakat Chetti sama dengan masyarakat Tamil yang lain, cuma orang Chetti menggunakan BMKC semasa menjalankan upacara agama. Beliau menggunakan BMP apabila berbual dengan pengkaji.

Sesuatu yang menarik tentang konsep Tamil/ Hindu ini ialah orang-orang Chetti menterjemahkan konsep tersebut ke dalam bahasa Melayu/Arab supaya mudah difahami oleh orang Melayu. Seorang informan menterjemahkan perkataan *ayer* (sami Hindu) menjadi bilal dan upacara perkahwinan Hindu sebagai akad nikah, manakala seorang informan lain menterjemahkan perkataan *pandarom* (sami Hindu) sebagai khatib dan orang yang menjalankan upacara perkahwinan sebagai kadi. Apabila pengkaji berbual dengan seorang pembantu sami, beliau memanggil sami di kampung tersebut sebagai imam dan perbuatan sembahyang sebagai sujud. Sembahyang untuk orang yang telah mati atau *parcu* disebut sebagai sembahyang arwah dan majlis *sanenggu* pula dipanggil majlis akil baligh. Terjemahan ini dilakukan supaya perkara yang hendak disampaikan itu difahami oleh pendengar Melayu seperti pengkaji. Istilah ini disebut sebagai *indirect equivalent substitutes*, iaitu kata-kata pinjaman daripada bahasa lain diterjemahkan pula kepada bahasa yang berkaitan (Jawa) atau bahasa yang tidak berkaitan langsung [bahasa Inggeris atau Sanskrit (Carmel, 1989:195)]. Misalnya, perkataan *magazine* dalam bahasa Inggeris diterjemahkan kepada bahasa Melayu sebagai majalah dan perkataan *council* menjadi majlis. Perkataan majalah dan majlis berasal daripada perkataan Arab.

Perkataan Arab seperti akad nikah, khatib, bilal, kadi, imam, sujud, akil baligh, roh dan sebagainya sering disebut oleh penutur BMKC tanpa menyedari bahawa perkataan tersebut berasal daripada bahasa Arab. Mereka menyangka perkataan tersebut ialah perkataan Melayu kerana terlalu lazim digunakan oleh masyarakat Melayu Islam. Bagi orang Chetti, penggantian tidak langsung ini tidak membawa apa-apa makna, tetapi bagi pengkaji, penggantian konsep Hindu kepada konsep yang berunsur Islam ini agak kurang sesuai.

Bagi nama kuil dan nama dewa Hindu, terjemahan tidak dilakukan. Nama dewa dikekalkan, cuma diberi gelaran datuk, misalnya Datuk Ganesan (Dewa Ganesan), Datuk Murugan (Dewa Murugan) atau Datuk Letchemi (Dewi Letcemi). Terdapat 13 kuil yang dimiliki oleh masyarakat Chetti. Selain itu, setiap rumah mempunyai tempat penyembahan yang dihias cantik dan berlampu. Keadaan ini berbeza dengan rumah orang India yang lain. Kebanyakan informan kurang bercerita tentang nama tuhan dan kuil mereka kerana beranggapan bahawa cerita tersebut boleh menyentuh sensitiviti pengkaji sebagai orang Islam. Seorang informan menyebut tuhan Allah apabila bercerita tentang kepercayaan agama. Kebanyakan orang Chetti bersembahyang dan berdoa dalam BMKC. Yang berikut ialah contoh doa yang dilakukan dalam BMKC dan bahasa Sanskrit:

## Petikan 1.3

"*Om kava sivayam*  
*Om kava sivayam*  
*Om kava sivayam*"

Kita doa kasi kesiatan kita selamat anak-beranak. Kita semua mo selamat siang dan malam. Bagi kita rejeki dengan baik. Terima kasihla kepada tuhan."

Masyarakat Chetti ialah masyarakat yang taat kepada agama Hindu dan mahir tentang adat istiadat dan peralatan yang diperlukan dalam sesuatu upacara Hindu. Namun; mereka tidak pandai membaca mantera dan doa yang terdapat dalam bahasa Tamil dan Sanskrit. Oleh itu, mereka terpaksa mendapatkan khidmat sami yang berbangsa Tamil untuk menjalankan upacara agama yang memerlukan pembacaan mantera dan doa tersebut. Sekiranya mereka tidak mengetahui sesuatu maksud yang terdapat dalam mantera tadi, mereka bertanya kepada sami tersebut dalam BMKC. Menurut beberapa orang informan, mereka hanya mendengar sahaja mantera tersebut dibaca oleh sami tanpa memahami maksudnya.

Upacara bagi *sembahyang arwah* atau *parcu* diadakan di rumah sahaja dan dijalankan oleh kaum keluarga. Oleh itu, segala doa dan upacara tersebut dijalankan dalam BMKC. Sebanyak 15 jenis makanan yang paling digemari oleh si mati semasa hidupnya akan dihidangkan di hadapan gambarnya. Lilin dan bara api akan dipasang di tepi gambar tadi. Semasa membuat persembahan makanan terhadap roh si ayah misalnya, anak tadi akan berdoa dalam BMKC seperti yang berikut:

## Petikan 1.4

"... Bapak, hari ini kami sediakan makanan istimewa untuk bapak, kalo ada yang kurang, kami mintak maaf ..."

Masyarakat Chetti percaya bahawa roh si mati akan datang untuk menjamah makanan yang dihidangkan. Menurut seorang informan, roh si mati yang berbentuk lalat, kumbang, atau kupu-kupu, akan terbang di kawasan itu.

Dalam upacara perkahwinan pula, segala peralatan keagamaan untuk upacara tersebut disediakan oleh keluarga pengantin. Sami hanya menjalan-



kan upacara akhir sahaja. Segala arahan yang perlu dilakukan oleh pengantin akan diberitahu oleh sami dalam BMKC.

Selepas acara selesai, keluarga yang rapat akan bermain congkak secara simbolik di hadapan pengantin. Pada masa ini, dapat didengar gurau senda dalam BMKC. Tetamu berbual dalam BMKC atau BI dan jarang kedengaran perbualan dalam bahasa Tamil. Jamiuan makan diadakan di kawasan rumah pengantin. Di sini, kebanyakan perbualan dilakukan dalam BMKC dan BI. Tetamu daripada bangsa lain seperti Cina dan Melayu pula berbual dengan tuan rumah dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Perbualan sesama masyarakat Chetti adalah dalam BMKC.

Merujuk kepada kajian-kajian yang lalu, domain agama selalunya menjadi domain yang tinggi kerana bahasa yang digunakan ialah bahasa yang dianggap *superposed H* seperti bahasa Arab yang digunakan dalam agama Islam (Nor Hisham, 1993:974). Keadaan sebaliknya berlaku dalam domain agama bagi masyarakat Chetti. Sepatutnya bahasa Tamil/Sanskrit digunakan secara meluas dalam domain ini, tetapi bahasa kreol pula yang menjadi dominan sedangkan bahasa kreol di Malaysia dianggap bahasa dalam kumpulan rendah (L1) (Norah, 2003a:104). Walaupun kebanyakan aktiviti agama merupakan aktiviti yang formal, bahasa yang digunakan ialah BMKC, terutama apabila situasi agama itu tidak membabitkan orang lain, seperti berdoa di rumah.

Menurut Maya (2001:43), jika sesuatu bahasa etnik digunakan secara meluas sebagai bahasa dalaman (*inner speech*) seperti sembahyang atau berdoa secara senyap, bahasa tersebut dianggap masih dominan dalam masyarakat tersebut. Jika keadaan sebaliknya berlaku, bahasa etnik tadi telah mengalami pergeseran bahasa. Dalam kajian ini, terdapat seorang sahaja informan yang berdoa secara senyap dalam BI dan informan tersebut ialah seorang pelajar berusia 13 tahun. Ibu pelajar ini seorang Tamil dan pelajar ini boleh menguasai tiga bahasa, iaitu BMKC, BI, dan BT.

Kesimpulannya, dalam domain keagamaan, BMKC masih berperanan penting. Walaupun istilah Tamil/Sanskrit dipinjam untuk menerangkan konsep agama Hindu, keseluruhan upacara agama dijalankan dalam BMKC. Nama peralatan, makanan, pakaian dan perkataan lain yang tidak mujarad disebut sepenuhnya dalam BMKC. Selain itu, BI juga digunakan seperti perkataan *priest* yang digunakan untuk sami Hindu.

(d) Domain Jual Beli dan Transaksi

Jadual 1.9 yang berikut memaparkan analisis terhadap domain jual beli

Jadual 1.9 Analisis domain jual beli dan transaksi.

Nombor soalan dan soalan		BM C	Bi / BI	BM dan BI	BI dan BT	Bm dan BT	BM dan BC	BMKC dan BM	Jumlah informan
30 Membeli-belah di pasar raya.	Bil.	41	3	13	1	1	1	-	60
	%	68.33	5.00	21.66	1.66	1.66	1.66	-	100%
31 Bercakap di stesen bas.	Bil.	49	3	6	-	1	1	-	60
	%	81.66	5.00	10.00	-	1.66	1.66	-	100%
32 Bercakap dengan pekedai runcit.	Bil.	50	7	1	2	2	-	-	60
	%	83.33	11.66	1.66	3.33	3.33	-	-	100%
33 Pertuturan di pasar ikan.	Bil.	50	-	5	-	3	2	-	60
	%	83.33	-	8.33	-	5.00	3.33	-	100%
34 Bercakap dengan orang yang tidak dikenali.	Bil.	32	1	24	-	2	1	-	60
	%	53.33	1.66	40.00	-	3.33	1.66	-	100%
35 Temu ramah dengan pengkaji.	Bil.	22	19	12	-	2	1	4	60
	%	36.66	31.66	20.00	-	3.33	1.66	6.66	100%

dan transaksi. Dalam domain transaksi, pengkaji akan membahagikan konsep bahasa Melayu kepada tiga jenis, iaitu:

- Bahasa Melayu Standard (BMS), iaitu bahasa rasmi/bahasa kebangsaan, bahasa bertulis, dan yang digunakan dalam domain pendidikan dan pemerintahan.
- Bahasa Melayu Basahan (BMB), iaitu bahasa Melayu yang digunakan secara lisan dan perbualan di kalangan orang Melayu.
- Bahasa Melayu Pasar (BMP), iaitu bahasa Melayu pijin yang digunakan oleh penutur bukan Melayu dan digunakan di pasar atau di tempat perniagaan.

Dalam domain transaksi, ketiga-tiga ragam bahasa ini digunakan. Jika penutur memilih bahasa Melayu, bermakna bahasa Melayu tersebut terbahagi kepada tiga jenis dan bergantung pada orang yang dilawannya bertutur. Daripada Jadual 1.9, dapat dilihat pemilihan bahasa dalam domain ini. Apabila membeli-belah di pasar raya, penutur memilih BM sebagai pilihan tertinggi, iaitu 68.3%. Diikuti oleh BM/BI, iaitu 21.66%. Manakala yang bertutur dalam BI sahaja ialah 5%.

Terdapat dua orang informan yang bertutur BC (1.6%) dan BT (1.6%) di pasar raya dan kedai besar. Kebanyakan pekerja pasar raya atau kedai yang besar mempunyai pekerja yang boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik. Sesetengah kedai pula melayan pelanggan dengan BI, contohnya di restoran makanan segera. Oleh yang demikian, kebanyakan pertuturan di tempat-tempat seperti ini adalah dalam BM/BI. Di stesen bas dan stesen teksi, keadaan agak berubah. Di sini, pertuturan bergantung pada pemerannya. Jika pemandu bas atau pemandu teksi berbangsa Cina atau India, mereka selalunya bertutur dalam bahasa Melayu pasar (BMP). Jika pemandu teksi atau pemandu bas orang Melayu, mereka akan menggunakan bahasa Melayu basahan (BMB). Informan sering menuruti bahasa yang digunakan oleh pemeran. Mereka akan menggunakan BMP apabila bertutur dengan pemeran seperti ini. Berdasarkan data, dapat dilihat bahawa bahasa Melayu menjadi pilihan utama di tempat seperti ini, iaitu 81.6%. Tiga orang informan (5%) memilih BI apabila bertutur di kawasan stesen bas dan perhentian teksi.

Bahasa yang digunakan dengan penjaja dan pekedai runcit masih lagi bahasa Melayu (83.33%) tetapi BMB atau BMP. Pertuturan di sini bergantung pada pemeran. Jika pemeran orang Cina atau India, BMP digunakan. Jika peniaga untuk domain ini ialah Melayu, maka BMB digunakan. Sebagai negara yang mempunyai pelbagai penutur bahasa, domain jual beli di Malaysia bergantung pada bangsa penjual dan pembeli serta lokasi penjualan tersebut dilakukan.

BMP selalu digunakan di kalangan peniaga Cina atau India yang tidak mendapat pendidikan Inggeris seperti penjaja makanan dan peniaga runcit. Walaupun pembeli seorang penutur BM yang baik, mereka menggunakan BMP apabila bertutur dengan penjual seperti ini. BMP sebenarnya dianggap sebagai lingua franca di tempat jualan seperti ini (Asmah, 1993:24).

Dapatan ini sama dengan kajian yang dilakukan oleh Maya (2003:1) terhadap domain jual beli di Kuala Lumpur. Beliau mendapati bahawa terdapat pelbagai ragam bahasa yang digunakan dalam domain jual beli. Bahasa yang paling banyak digunakan ialah BMP/BI dan penukaran kod antara kedua-dua bahasa tersebut sangat kerap berlaku. Etnik dan taraf

pendidikan sangat mempengaruhi domain jual beli. Kajian oleh Hafriza (2003:9) pula mendapati bahawa orang Melayu menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya apabila bertutur dengan penjual Melayu, tetapi menggunakan BMP atau BI apabila bertutur dengan penjual Cina dan India. Menurut beliau, bahasa Melayu (bahasa Melayu basahan) lebih difahami oleh penjual Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris.

Soalan 33 dalam domain transaksi memperlihatkan penggunaan bahasa ketika penutur bertutur dengan penjual di pasar ikan atau di pasar malam. Sebanyak 83.3% informan memilih bahasa Melayu apabila bercakap dengan peniaga di kedua-dua tempat tersebut. Pengkaji mendapati informan bertutur dalam BMP apabila berhubung dengan peniaga Cina dan India. Manakala pertuturan dengan peniaga Melayu dilakukan dalam BMB dialek Melaka.

Soalan 34 dan 35 bertujuan melihat penggunaan bahasa orang Chetti apabila berhubung dengan orang yang tidak dikenali. Faktor pemeran menentukan bentuk pertuturan apabila berhubung dengan orang luar. Jika orang tersebut tidak dikenali, informan akan menggunakan dua bahasa, iaitu sama ada bahasa Melayu semata-mata (53.3%) atau gabungan BM/BI (40%). Jarang-jarang terdapat informan yang menggunakan BI sahaja (1.6%). Dua orang informan menuturkan BM/BT (3.3%) dengan orang luar dan seorang informan (1.6%) menggunakan BM/BC apabila bertutur dengan orang luar. Keputusan ini berubah sedikit apabila orang yang tidak dikenali itu ialah orang bukan Melayu. Sebanyak 33.6% informan memilih bahasa Melayu standard (BMS), manakala 31.6% memilih bahasa Inggeris. Penggunaan BMS/BI juga tinggi, iaitu 20%. Keputusan ini menunjukkan bahawa, jika orang yang tidak dikenali itu ialah orang bukan Melayu, informan cenderung memilih bahasa Inggeris apabila bertutur dengannya.

Dalam domain transaksi, penukaran kod sangat banyak berlaku, terutama jika berbual dengan orang luar. Daripada data yang terkumpul, kebanyakan informan, sama ada lelaki atau wanita (tanpa mengira jenis pekerjaan), didapati melakukan penukaran kod di sana sini. Apabila ditanya tentang maklumat peribadi, mereka menjawab dalam BMS, tetapi apabila topik perbualan berubah, penukaran kod berlaku dengan jelas. Dalam penukaran kod ini, BMS diselitkan dengan bahasa Inggeris dan sesekali BMKC. Menurut informan, mereka tidak bercakap BMKC dengan orang luar kerana BMKC tidak difahami oleh orang luar. Sebenarnya, BMKC sukar difahami sebab penuturnya bercakap terlalu pantas dan kuat. Ini menyebabkan pengkaji tidak memahami hal yang diperkatakan. Setelah bergaul beberapa kali dengan masyarakat tersebut barulah pengkaji dapat menyesuaikan diri dengan bunyi pertuturan dalam BMKC.

Kesimpulannya, dalam domain transaksi, pelbagai bahasa dituturkan bergantung pada pemeran, lokasi pertuturan, dan topik pertuturan. Kebanyakan pertuturan berlaku dalam BMP, BMB, atau BI. Jika membeli-belah di pasar raya atau berbual dengan orang luar, atau pengkaji, mereka menggunakan BMB dan BI. Jika di pasar, di kedai runcit, di stesen bas atau perhentian teksi, BMP digunakan. Gejala penukaran kod sangat berleluasa dalam perbualan dengan orang luar, terutamanya BM/BI. Ragam bahasa akan berubah-ubah bergantung pada orang yang dilawan bertutur. Etnik dan status pemeran memainkan peranan utama dalam domain ini. Domain transaksi dianggap domain yang rendah kerana bahasa tersebut dituturkan dalam situasi yang tidak formal. Jadi pertuturan bukan sahaja berlangsung dalam bahasa Melayu, tetapi juga dalam BMP dan BMB. Pertuturan dengan orang luar bergantung pada status mereka. Jika pengunjung tersebut daripada jabatan kerajaan, pengkaji daripada universiti atau orang media, mereka akan menggunakan BMB atau BMS.

(e) Domain Pendidikan

Jadual 1.10 yang berikut memaparkan analisis dalam domain pendidikan.

Jadual 1.10 Analisis domain pendidikan.

Nombor soalan dan soalan		BMS	BI	BMS dan BI	BI dan BT	BMS BI/BT	BMS/ BI/BV	BT	Jumlah
24 Bercakap dengan rakan sekelas.	Bil.	10	5	31	2	2	2	-	52
	%	19.2	9.61	59.6	3.84	3.84	3.84	-	100%
25 Bercakap dengan pelajar Tamil.	Bil.	12	12	17	3	1	1	6	52
	%	23.0	23.0	32.6	5.76	1.92	1.92	11.53	100%
26 Bermain dengan kawan di sekolah.	Bil.	18	1	29	1	2	-	1	52
	%	34.6	1.92	55.7	1.92	3.84	-	1.92	100%
29 Bercakap dengan rakan kolej.	Bil.	-	-	5	-	-	-	-	5
	%	-	-	100	-	-	-	-	100%
36 Bercakap dengan guru di sekolah.	Bil.	11	7	33	-	1	-	-	52
	%	21.1	13.46	63.4	-	1.92	-	-	100%

Secara keseluruhannya, taraf pendidikan kebanyakan penduduk Chetti di Gajah Berang adalah sederhana. Terdapat lima orang yang mendapat pendidikan tinggi, iaitu peringkat diploma dan universiti. Kebanyakan informan yang terlibat dalam kajian ini mendapat pendidikan setakat tingkatan tiga atau tingkatan lima sahaja. (Sila rujuk tahap pendidikan informan dalam Jadual 1.2). Hanya 52 orang informan yang terlibat dalam analisis domain pendidikan. Tujuh orang yang tidak mendapat sebarang pendidikan dan seorang lagi yang bersekolah tadika tidak diambil kira dalam analisis domain pendidikan ini.

Dalam domain pendidikan, bahasa yang dominan ialah BMS dan BI. Kebanyakan penutur dalam domain pendidikan menggunakan kedua-dua bahasa, iaitu BMS dan BI. Berdasarkan Jadual 1.10, dapat dilihat bahawa pilihan bahasa dalam situasi pendidikan di sekolah ialah BMB dan BI apabila informan bercakap dengan rakan sekelas, iaitu sebanyak 59.6%. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar kaum Chetti menguasai dwibahasa. Mereka berkeupayaan bertutur dalam kedua-dua bahasa kerana BI juga digunakan di rumah secara meluas.

Apabila bercakap dengan pelajar Tamil, 32.6% informan menggunakan BMB dan BI. Terdapat enam orang informan (11.53%) yang bertutur BT dengan rakan Tamil. Mereka ini mendapat pendidikan di sekolah rendah Tamil dan seorang dua informan boleh bercakap Tamil kerana ibu mereka orang Tamil. Apabila bermain dengan rakan-rakan di sekolah, 55.7% informan menggunakan BMB/BI. Dalam pengajaran di bilik darjah dan perbualan dengan guru, BMS digunakan, iaitu 33.0%. Keadaan ini berterusan sehingga ke peringkat pengajian tinggi apabila 100% pemilihan bahasa informan ialah BMS dan BI. Bahasa Tamil dan bahasa Cina tidak mempunyai peranan yang besar dalam domain pendidikan. Hanya dua orang informan (3.84%) yang bertutur dalam bahasa Cina dengan rakan-rakannya di sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa BMS dan BI sama-sama dominan dalam domain pendidikan, terutama di kalangan generasi muda.

Bagi informan yang lebih tua, tahap pendidikan hanya setakat sekolah rendah dan beberapa informan wanita tidak mendapat pendidikan langsung. Menurut seorang informan, pada masa dahulu, ibu bapa Chetti tidak menggalakkan anak perempuan pergi ke sekolah kerana faktor budaya dan masalah kewangan. Kebanyakan keluarga Chetti mempunyai keluarga yang besar dan pendapatan mereka sangat sederhana. Ini menyebabkan ibu bapa tidak mampu menanggung perbelanjaan anak-anak ke sekolah, walaupun

kedudukan sekolah berdekatan dengan kampung mereka. Hanya anak lelaki yang bersekolah sehingga ke tahap darjah tiga atau darjah tujuh dalam aliran Inggeris.

Kebanyakan masyarakat Chetti boleh menguasai BI dengan baik. Walau bagaimanapun, generasi tua lebih selesa bertutur dalam BMKC berbanding dengan BI. Bagi generasi pertengahan (antara 30-59 tahun), kebanyakan mereka mendapat pendidikan di sekolah Inggeris. Faktor ini merupakan antara penyumbang kepada penguasaan BI di kalangan masyarakat tersebut.

Terdapat ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil. Selalunya ibu bapa ini beristeri atau bersuamikan orang Tamil dan berharap anak-anak mereka akan menguasai bahasa Tamil. Fenomena ini juga berlaku kepada masyarakat Baba Nyonya di Melaka. Kedua-dua masyarakat ini mula mengasimilasikan diri kembali dengan kaum Cina atau kaum Tamil yang ramai di Malaysia. Mereka cuba mencinakan atau mentamamkan kembali diri mereka, walhal mereka sudah menjadi sebati dengan budaya dan bahasa negara ini (Abdullah, 1999:154). Sebenarnya, fenomena ini bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi sudah merupakan satu ciri umum, misalnya pendatang Yunani, Itali dan Sepanyol yang telah lama bermastautin di Amerika Syarikat juga menunjukkan kecenderungan yang sama. Generasi kedua dan ketiga mereka mengalami pergeseran bahasa dan mula menguasai bahasa Inggeris. Namun demikian, percubaan untuk mengekalkan bahasa dan budaya mereka yang asal timbul kembali dengan kedatangan pendatang baharu dari negeri dan budaya yang sama (Abdullah, 1999:155).

Di Kampung Gajah Berang, walaupun ibu bapa berhasrat tinggi, namun anak-anak tidak menunjukkan minat kepada bahasa Tamil. Persekitaran yang tidak sesuai di kampung tersebut menyebabkan bahasa Tamil tidak digunakan walaupun anak-anak tadi boleh berbahasa Tamil. Daripada temu ramah pengkaji dengan informan yang berusia 15 tahun ke bawah, didapati mereka lebih menyukai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris apabila bertutur dalam semua domain.

Kesimpulannya, dalam domain pendidikan, BMS dan BI paling dominan berbanding dengan yang lain-lain. Informan memilih BMS dan BI untuk berinteraksi dengan rakan sekelas atau guru.

**(f) Domain Pemerintahan**

Jadual 1.11 yang berikut memaparkan analisis domain pemerintahan.

Jadual 1.11 Analisis domain pemerintahan.

Nombor soalan dan soalan		BMS	BI	BMS dan BI	Bahasa lain	Jumlah informan	
37	Urusan di bank.	Bil.	33	8	17	-	58
		%	56.8	13.7	29.3	-	100%
38	Urusan di pejabat kerajaan.	Bil.	47	1	7	-	56
		%	83.9	1.78	12.5	-	100%
39	Temu duga pekerjaan.	Bil.	37	2	3	-	42
		%	88.0	4.76	7.14	-	100%
40	Menulis surat rasmi.	Bil.	41	1	4	-	46
		%	89.1	2.17	8.69	-	100%
41	Bercakap dengan majikan.	Bil.	6	-	2	-	8
		%	75	-	25	-	100%

Domain pemerintahan dianggap domain yang formal atau rasmi. Oleh itu, bahasa yang digunakan juga ialah bahasa rasmi. Di Malaysia, bahasa rasmi ialah bahasa Melayu (BMS) dan bahasa kedua rasmi ialah bahasa Inggeris (BI). Dalam semua aspek pemerintahan dan pentadbiran, setiap penduduk menggunakan BMS, dan BI boleh digunakan dalam aspek-aspek tertentu sahaja. Dalam domain pemerintahan ini, masyarakat Chetti menggunakan BMS, sama ada secara lisan atau bertulis. BMS di Malaysia ialah bahasa Melayu yang berasaskan dialek Johor Riau yang menggunakan pepet [«] di lingkungan suku kata akhir terbuka dan bunyi [ə] disenyapkan di akhir kata. Masyarakat Chetti ialah penutur BMS yang baik, terutama golongan yang berpendidikan tinggi. Apabila bertutur dengan pengkaji Melayu, mereka menuturkan BMS tetapi jika bertutur dengan pengkaji bukan Melayu, mereka menggunakan bahasa Inggeris.

Berdasarkan Jadual 1.11 di atas, dapat dilihat bahawa sebanyak 56.8% informan Chetti menggunakan BMS apabila berurusan di bank. Walaupun bank ialah syarikat swasta, tetapi di Malaysia, kebanyakan urusan bank dilakukan dalam BMS termasuk pengisian borang dan sebagainya. Selain itu, semua kakitangan bank bercakap dalam BMS apabila berurusan dengan pelanggan. Masyarakat Chetti juga melakukan urusan bank dalam BI, iaitu sebanyak 13.7%. Selebihnya, urusan dilakukan dalam BM/BI, iaitu sebanyak 29.3%. Jika kakitangan bank orang Cina atau India, informan lebih suka menuturkan BI apabila berurusan dengan mereka.

Daripada Jadual 1.11 di atas, dapat dilihat bahawa semua urusan di pejabat kerajaan, sama ada di pejabat tanah, pejabat pendidikan, hospital dan klinik kerajaan, sekolah, pejabat pos, telekom, dan sektor kemudahan awam yang lain, dilakukan dalam BMS, iaitu 83.9%. Penggunaan BMS dan BI secara bertukar ganti meliputi 12.5% dan penggunaan BI sahaja sangat rendah, iaitu 1.78% sahaja. Dapatan ini menunjukkan BMS sangat dominan dalam domain pemerintahan. BMKC tidak digunakan langsung dalam domain pemerintahan dan hanya digunakan apabila bertutur dengan orang-orang Chetti sahaja.

Golongan yang tidak berpendidikan formal meminta jasa baik anak atau cucu mereka untuk mengisi borang atau menandatangani borang. Kebanyakan temu duga pekerjaan dijalankan dalam BMS, iaitu 88.0%. Walaupun terdapat temu duga dalam BI tetapi peratusannya sangat kecil, iaitu hanya 4.76% sahaja. Temu duga dalam BM/BI ada dilaporkan oleh informan dan peratusannya ialah 7.14%. Dalam penulisan surat rasmi, 89.1% informan menggunakan BMS dan penggunaan BI sangat sedikit, iaitu 2.17%. Dasar kerajaan yang mementingkan penggunaan BMS dalam semua urusan rasmi menyebabkan surat rasmi atau sebarang pengisian borang diisi atau ditulis dalam BMS.

Dalam domain pemerintahan ini, terdapat lapan orang informan yang bekerja dengan kerajaan. Bahasa yang digunakan dengan majikan di sektor kerajaan ialah BMS, iaitu 75% manakala BMS/BI digunakan juga sebanyak 25%. Kebanyakan jabatan kerajaan di Malaysia diketuai oleh orang Melayu. Walaupun ada orang bukan Melayu yang mengetuai jabatan kerajaan, bilangannya sedikit dan biasanya ketua jabatan tersebut mempunyai penguasaan BMS yang baik. Oleh itu, informan lebih suka berbahasa Melayu dengan ketua jabatan atau majikan mereka. Tidak ada informan yang menuturkan BI sahaja dengan majikan mereka.

Dalam sektor kerajaan dan badan berkanun, kelulusan kepujian dalam bahasa Melayu diwajibkan bagi pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat. Terdapat hubungan antara kemahiran bahasa Melayu dengan pelantikan jawatan dalam sektor kerajaan (Abdullah, 1999:189). Oleh sebab itu, masyarakat Chetti yang bekerja dengan kerajaan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak berlaku dalam sektor swasta. Bahasa Melayu dalam sektor ini hanya diperlukan untuk berurusan dengan kerajaan di peringkat rasmi. Keadaan ini menyebabkan tahap penguasaan bahasa Melayu di kedua-dua sektor tersebut berbeza.

Kesimpulannya, BMS mempunyai peranan yang dominan dalam domain pemerintahan berbanding dengan bahasa lain. BMKC tidak jauh berbeza

dengan BMS dan ini menyebabkan masyarakat Chetti tidak mengalami masalah apabila bertutur dalam domain pemerintahan.

**(g) Domain Pekerjaan**

Jadual 1.12 yang berikut memaparkan analisis yang didapati dalam domain pekerjaan.

Jadual 1.12 Analisis domain pekerjaan.

	Nombor soalan dan soalan		BMS	BI	BM dan BI	BMS dan BT	BM/BI/BC	Jumlah informan
22	Bercakap dengan rakan sekerja.	Bil.	10	1	25	1	2	40
		%	25	2.5	62.5	2.5	5	100%
42	Bercakap dengan majikan swasta.	Bil.	13	8	12	1	-	34
		%	38.2	23.5	35.2	2.9	-	100%
43	Bercakap dengan pelanggan bukan Melayu.	Bil.	12	8	12	2	-	34
		%	35.2	23.5	35.2	5.8	-	100%
44	Bercakap dengan pelanggan (bekerja sendiri).	Bil.	3	1	2	1	1	8
		%	37.5	12.5	25	12.5	12.5	100%

Empat soalan dikemukakan dalam domain ini dan kebanyakan soalan berkisar tentang pekerjaan di sektor swasta. Dalam domain ini, ternyata pilihan bahasa di kalangan orang Chetti ialah BMS dan BI. Kedua-dua bahasa ini saling bertukar ganti dalam situasi tertentu dengan orang tertentu. Apabila bercakap dengan majikan di sektor swasta, bahasa yang dipilih ialah BMS, iaitu 38.2%. Bahasa Inggeris hanya 23.5% sahaja. Kebanyakan pertuturan dilakukan secara dwibahasa, iaitu BMS/BI yang meliputi 35.2%. Terdapat seorang informan yang bertutur dalam BT kerana majikannya seorang Tamil dan informan ini boleh berbahasa Tamil tetapi tidak fasih. Informan ini berkahwin dengan lelaki Tamil dan belajar bahasa Tamil daripada suaminya. Selepas suaminya meninggal dunia, dia tinggal di kampung tersebut bersama-sama anak dan menantunya yang bertutur dalam BMKC.

Pekerja swasta yang berurusan dengan pelanggan bukan Melayu akan bertutur dalam BMS juga, iaitu sebanyak 35.2%. Mereka juga menggunakan BM dan BI bersilih ganti dan peratusannya ialah 35.2%. Hanya 5.8% informan

memilih BT untuk berhubung dengan pelanggan bukan Melayu. Kedua-dua informan ini bekerja di klinik swasta dan mereka boleh bertutur dalam bahasa Tamil.

Dalam domain ini, terdapat lapan orang informan yang bekerja sendiri. Dua daripada informan tersebut ialah penarik beca yang bekerja di tengah-tengah bandar Melaka. Penguasaan bahasa mereka sangat pelbagai kerana hubungan mereka dengan pelancong dari luar negara. Salah seorang penarik beca tersebut bertutur dalam BMS, BI dan bahasa Cina apabila berhubung dengan pelanggan.

Seorang informan lelaki pula mempunyai kebolehan mengubati penyakit kayap secara tradisional dan pelanggannya pernah membawa beliau ke merata-rata tempat, contohnya ke Singapura dan ke Terengganu. Melalui perbualan telefon, pengkaji mendapati beliau dapat bertutur secara fasih dalam bahasa Melayu dialek Melaka. Apabila beliau bertutur dengan pengkaji, pertuturan bahasa Inggerisnya juga amat baik. Apabila pulang ke rumah, beliau bertutur BMKC pula dengan kakak dan anak-anak saudaranya. Inilah kelebihan masyarakat Chetti kerana mereka menguasai multibahasa dan setiap bahasa dapat dikuasai dengan baik.

Apabila memilih bahasa yang digunakan dengan rakan di tempat kerja, didapati semua pekerja, sama ada di sektor swasta atau sektor kerajaan, memilih BMS/BI, iaitu sebanyak 62.5%. Selain itu, bahasa lain yang digunakan ialah BMS (25%). Hanya seorang yang menggunakan BI sepenuhnya apabila bertutur dengan rakan di tempat kerja. Dua orang informan memilih BMS/BI/BC kerana mereka boleh berbahasa Cina.

Berdasarkan analisis data, dapat dibuat kesimpulan bahawa masyarakat Chetti bersifat dwibahasa apabila bertutur dalam domain pekerjaan. Kedua-dua bahasa BMS/BI sangat dominan dan mengatasi bahasa yang lain. Bagi pekerja swasta pula, kedua-dua BMS dan BI sama-sama dominan.

#### 4. Sikap dan Pandangan Masyarakat Chetti terhadap BMKC

Taburan skor sikap dan pandangan terhadap BMKC dipaparkan dalam Jadual 1.15 dalam Lampiran 3. Secara khusus, Jadual 1.15 menunjukkan taburan skor tentang sikap dan pandangan masyarakat Chetti terhadap bahasa tertentu. Dalam bahagian ini, sebanyak 11 soalan dikemukakan. Soalan-soalan tersebut menilai sikap dan pandangan masyarakat Chetti terhadap BMKC dan bahasa lain. Berdasarkan skor yang diperoleh daripada Jadual 1.15, analisis peratusan dibuat untuk meninjau sikap dan pandangan 60 informan yang terlibat.

#### 5. Analisis Sikap dan Pandangan terhadap BMKC

Jadual 1.13 yang berikut pula memperlihatkan analisis peratusan terhadap sikap dan pandangan masyarakat Chetti terhadap BMKC dan bahasa lain. Bagi soalan 45, didapati 75% memilih bahasa BMKC/BT untuk menyebut nama peralatan yang digunakan untuk sembahyang atau hal yang berkaitan dengan agama Hindu. Sementara 9% lagi mengatakan bahawa peralatan agama Hindu harus disebut dalam bahasa Tamil. Semua mereka bersetuju bahawa peralatan yang berkaitan dengan agama tidak disebut dalam BI atau BC. Analisis ini menunjukkan bahawa dalam domain agama, bahasa yang digunakan ialah BMKC dan BT.

Bagi soalan 46, peralatan yang berkaitan dengan adat resam disebut dalam BMKC/BT, iaitu 53.3% dan dalam BMKC ialah 33.3%. Apabila menyentuh tentang adat resam, terdapat campuran adat resam Melayu dan adat resam Hindu. Oleh hal yang demikian, penggunaan BMKC dan BT adalah sama banyak. Hal-hal yang berkaitan dengan peminangan dan kelahiran (iaitu acara yang dilakukan di rumah), banyak mengandungi istilah Melayu seperti merisik, buang suara, tukar cincin, hantaran, mas kahwin, melenggang perut, mak bidan, cukur kepala, dan sebagainya. Manakala upacara keagamaan (yang dilakukan di kuil) menggunakan istilah Tamil kerana melibatkan doa, jampi, dan mantera.

Nama panggilan dalam keluarga juga menunjukkan campuran BMKC/BT. Sebanyak 75% informan menyatakan bahawa panggilan keluarga menggunakan campuran BMKC dan BT. Hal ini bergantung pada ahli keluarga yang tertua. Jika ketua keluarga cenderung ke arah BMKC, beliau akan menggunakan banyak istilah BMKC seperti panggilan *datuk*, *nenek*, *moyang*, *mak*, *bapak*, *abang*, *mak sedara* atau *bapa sedara*. Jika ahli keluarga tertua cenderung ke arah Tamil, keadaan sebaliknya akan berlaku, iaitu nama-nama panggilan seperti *pati*, *tata*, *aneng*, *tope*, *cinnama*, atau *aci* digunakan. Sebanyak 8.33% informan menggunakan istilah BT untuk panggilan keluarga.

Kebanyakan informan mendapat pendidikan dalam aliran Inggeris, iaitu 39.6% dan BM/BI 30.1%. Hanya 1.88% yang bersekolah rendah Tamil. Apabila ditinjau bahasa yang digalakkan oleh ibu bapa, 25% informan memilih BI. Pada keseluruhannya, ibu bapa menggalakkan anak-anak menguasai BM/BI di samping bahasa ibunda BMKC/BI, iaitu sebanyak 21.66%. Dari segi keselesaan berbahasa, ternyata BMKC merupakan pilihan utama kerana 51.6% informan memilih bahasa ini. Terdapat juga informan yang selesa menggunakan kedua-dua bahasa, iaitu BMKC/BI, lebih-lebih lagi di kalangan generasi muda. Golongan tua hanya memilih BMKC sahaja.

adual 1.13 Analisis sikap terhadap penggunaan bahasa.

Nombor soalan dan soalan	BMKC	BMKC /BI	BMKC /BT	BI	BT	BI/ BT	BMKC /BI/BT	BC	BMKC /BM/BT	BI/BM	BMKC/ BI/BM	BM	Bahasa lain	Jumlah
45 Peralatan agama Hindu.	Bil.	5	45	3	9	-	-	-	1	-	-	-	-	60
	%	8.33	75.00	6.12	15.0	-	8.16	-	1.66	-	-	-	-	100%
46 Peralatan adat.	Bil.	20	32	21	6	-	-	-	2	-	-	-	-	60
	%	33.33	53.33	39.6	10.00	-	-	-	3.33	-	-	-	-	100%
47 Panggitan keluarga.	Bil.	9	45	3	5	-	-	-	1	-	-	-	-	60
	%	15.00	75.00	6.12	8.33	-	4	-	1.66	-	-	-	-	100%
48 Bahasa anak dan cucu.	Bil.	5	20	3	-	-	-	-	-	1	15	-	1	49
	%	10.20	40.8	6.12	-	-	8.16	-	-	2.04	30.6	-	2.04	100%
49 Persekolahan.	Bil.	-	2	2	1	1	-	-	-	16	-	12	-	53
	%	-	3.77	39.6	1.88	1.88	-	-	-	30.1	-	22.6	-	100%
50 Galakan ibu bapa.	Bil.	-	13	2	1	7	2	-	-	14	6	-	-	60
	%	-	21.66	3.33	1.66	11.6	3.33	-	-	23.3	10.0	-	-	100%
51 Keselesaan berbahasa.	Bil.	31	11	3	-	-	1	-	-	4	1	2	-	60
	%	51.6	18.3	5.0	11.6	-	1.6	-	-	6.66	1.66	3.33	-	100%
52 Pekerjaan yang baik.	Bil.	-	5	-	28	-	-	-	-	25	-	2	-	60
	%	-	8.33	46.6	-	-	-	-	-	41.6	-	3.33	-	100%
53 Bahasa yang ingin dipelajari.	Bil.	-	1	1	2	3	-	6	1	-	-	1	4	40
	%	-	2.5	2.5	5.00	7.5	-	15.0	2.5	-	-	2.5	10.0	100%
54 Bahasa masyarakat Chetti.	Bil.	48	2	4	-	-	1	-	1	-	4	-	-	60
	%	80.0	3.33	6.66	-	-	1.66	-	1.66	-	6.66	-	-	100%
55 Kaitan agama dan adat.	Bil.	48	1	8	1	-	1	-	-	-	1	-	-	60
	%	60.00	1.66	13.33	1.66	-	1.66	-	-	-	1.66	-	-	100%

PENGUNAAN BAHASA MELAYU KREOL CHETTI MELAKA: SATU ANALISIS DOMAIN

Untuk memilih pekerjaan yang baik, kebanyakan informan memilih BI sebagai bahasa yang penting dalam bidang pekerjaan, iaitu 46.6%. Di samping itu, mereka juga tidak menyetujui penggunaan BM/BI, dan 41.6% menyatakan kedua-dua bahasa ini penting dalam bidang pekerjaan.

Soalan 53 meninjau pendapat orang Chetti tentang bahasa yang ingin dipelajari. Seramai 52.5 % informan menyatakan ingin mempelajari BT. Hal ini sangat jelas di kalangan informan yang berusia antara 30 hingga 40 tahun. Mereka seolah-olah berasa kehilangan dan ingin mempelajari bahasa nenek moyang mereka. Tetapi daripada tinjauan penulis, kebanyakan mereka tidak mempelajari bahasa tersebut secara bersungguh-sungguh walaupun kesedaran tersebut ada.

Soalan 54 dan 55 meninjau pendapat dan sikap orang Chetti terhadap BMKC. Kebanyakan informan, iaitu 80.0% setuju jika BMKC terus kekal di kalangan masyarakat Chetti. Begitu juga dengan penggunaan bahasa tersebut dalam bidang agama dan adat resam. Seramai 60% informan menyatakan bahawa BMKC harus dikekalkan untuk hal-hal yang berkaitan dengan adat resam dan agama masyarakat Chetti.

Berdasarkan analisis ini, dapat dikatakan bahawa BMKC masih lagi dominan dan dihargai oleh masyarakat Chetti. Walaupun mereka menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa yang penting, namun mereka tetap berbangga dengan BMKC. Kebanggaan dan sikap positif terhadap bahasa ibunda boleh mempertahankan kelangsungan bahasa tersebut.

RUMUSAN

Berdasarkan data-data dan analisis yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa penggunaan bahasa dalam masyarakat Chetti Melaka memang mengikut domain-domain tertentu seperti yang disarankan oleh Fishman (1972). Bagi domain kekeluargaan, agama dan adat resam, BMKC menunjukkan pengaruh yang dominan. Manakala bagi bidang-bidang pekerjaan dan pendidikan, ternyata BI dan BM menunjukkan pengaruh yang penting. Apabila ditinjau tentang sikap dan pandangan terhadap BMKC, ternyata masyarakat Chetti masih menghargai bahasa ibunda mereka.

BMKC masih lagi menjadi bahasa yang penting dalam masyarakat Chetti. Walau bagaimanapun, pengaruh BI semakin ketara dan boleh menggugat bahasa ibunda ini. Generasi tua (G1) yang mempertahankan BMKC semakin kurang bilangannya, manakala generasi muda (G3) semakin banyak yang menggunakan BI dalam kebanyakan domain. Sekiranya penggunaan BI semakin meningkat dalam domain kekeluargaan dan

keagamaan, kemungkinan besar BMKC tidak dapat dipertahankan lagi dan akan mengalami pergeseran bahasa.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan (peny.), 1999. *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carmel Heah Lee Hsia, 1989. *The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clyne, M.G., 1991. *Community Language: the Australian Experience*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ding Choo Ming, "Timbul Tenggelamnya Bahasa Cina Baba" dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 52-58, November 2001.
- Felicia Chong, 1995. "Chitties - an Indian Heritage" dlm. *The Star*, 9 Oktober 1995, hlm. 13.
- Fishman, J.A., 1991. *Sosiologi Bahasa: Satu Pendekatan Sains Kemasyarakatan antara Disiplin Terhadap Bahasa dalam Masyarakat*. Diterjemahkan oleh Alias Mohd. Yatim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman, J.A., 1972. "Domains and the Relationship between Micro and Macro Sociolinguistics" dlm. Gumperz, J.J. and Hymes, D., 1972, *Directions in Sociolinguistics, the Ethnography of Communication*, New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc, hlm. 435-454.
- Fujimoto, H., 1988. *The South Indian Muslim Community and the Evolution of the Jawi Peranakan in Penang up to 1948*. Tokyo: Gaikokugo Daigaku.
- Grimes, B.F., (ed.); Pittman, R.S. & Grimes, J.E., (ed. perunding), 1996. *Ethnologue: Languages of the World, SIL International, 13<sup>th</sup> Edition 1996 - 1999*. Versi internet di alamat <http://www.sil.org/ethnologue/ethnologue.html>
- Gumperz, J.J. dan Hymes, D., 1972. *Directions in Sociolinguistics, the Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Gupta, A.F. dan Siew, P.Y., 1995. "Language Shift in a Singapore Family". *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, Vol.16, No 4. 1995.
- Hafriza Burhanudeen, 2003. *Factors Influencing the Language Choices of Malay Malaysians in the Family, Friendship and Market Domains*. Bahan internet di alamat <http://www.shakespeare.uk.net/journal/2-2/hafriza-ling2-2.html>
- Jamaliah Mohamad Ali, 1995. "Malaysian Student Seminar - a Study of Pragmatic Features in Verbal Interaction". Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Mangantar Simanjuntak dan Ramli Salleh, "Perubahan-Perubahan Bunyi Bahasa:

- Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Melaka (Bahagian Akhir)" dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 56, November 1980.
- Marit Kana, 1999. "Perancangan Bahasa dan Masalah Ragam Bahasa Indonesia Rendah" dlm. Abdullah Hassan, 1999. *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*, Terjemahan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 271-291.
- Masyarakat Chetti Melaka*. 2003. Muzium Sejarah Melaka.
- Masyarakat Hindu Peranakan (Chetty), 2003. Bahan internet di alamat <http://www.perpustam.edu.my/clhproject/kebudayaan/chettyhtm>
- Maya Khemlani David, 2001. *The Sindhis of Malaysia. A Sociolinguistic Study*. London, Asean Academic Press.
- Maya Khemlani David, 2003. *Trading in a Intercultural Context: the Case of Malaysia*. Bahan internet di alamat <http://www.internationalscope.com/journal/volume1999/issue2/pdf/david.pdf>
- Moorthy, R., 1997. "Bahasa Komuniti Chitty Melaka: Tinjauan Sejarah, Persoalan Linguistik dan Pola Umum" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, hlm. 40, Januari 1997.
- Naiker, B.S., 1976. "Sejarah Kaum Chitty Melaka" dlm. *Makalah Kul Sri Poyatha Venayagar Moorthi, Melaka*. Ogos 1976.
- Narayanamy, K., 1967. "Proses Asimilasi dan Pengebudayaan di Kalangan Masyarakat Chitty Melaka". Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya.
- Narayanamy, K., 1983. "The Melaka Chitties" dlm. Sandhu K. S. dan Wheatley, P., 1983, *Melaka: the Transformation of a Malay Capital, c. 1400-1980*, Volume 2, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 239-263.
- Narayanamy, K. "Chitty Folk Need Help to Survive" dlm. *The Star*, August 4, 1995.
- Ng Bee Cheng. "Malacca - Chitty's Colorful Culture." *The Star*, 21 February 1994.
- Nik Safiah Karim, 1992. *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1999. "Domain Kawalan Bahasa Melayu: Sejarah Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia" dlm. Abdullah Hassan, 1999, *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*, Terjemahan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 172-192.
- Nor Hisham Osman, 1993. "Diglosia di Kawasan Perumahan Ulu Dedap Seberang Perak" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, hlm. 868, Oktober 1993.
- Noriah Mohamed, 2003a. *Beberapa Topik Asas Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Noriah Mohamed, 2003b. "Bahasa Melayu: Sejarah dan Keragamannya di Pulau Pinang". Kertas kerja dalam Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 17-18 September 2003.
- Pamphlet Muzium Chitty Melaka*. 2003.



Rabeendran, R., 1976. "Ethno-Racial Marginality in West Malaysia: the Case of the Peranakan Hindu or Malacca Chitty Community" dlm. *Makalah Jabatan Antropologi dan Sosiologi*, Universiti Malaya, hlm. 6.

Rose Ong, "The India Peranakan" dlm. *New Straits Times*, 28 Oktober 1994.

Roslan Mohamad, "Perayaan Hari Parcu Ceti Melaka" dlm. *Utusan Malaysia*, Khamis, 10 Februari, 1994.

Sa'adiah Ma'alip, "Peralihan dan Kehilangan Bahasa Kristang di Melaka" dlm. *Majalah Dewan Bahasa*, hlm. 50, Februari 2001.

Saidatul Normis Haji Mahali, "Pantun Cina Peranakan" dlm. *Majalah Dewan Bahasa*, hlm. 22, Mei 2003.

Sibayan, B.P., 1988. "Role and Status of English vis-a-vis Filipino and Other Language in Philippines". Kertas kerja dalam *The 1988 Regional Seminar on Language in Multilingual Setting, the Role of English*, National University of Singapore, Singapura, 6 - 8 September 1998.

Sandhu, K. S. dan Wheatley, P., 1983. *Melaka, the Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980*, Jilid 2. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Usha Mahajani, 1960. *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*. Connecticut: Greenwood Press.

Wee Imm Neo, 1979. "Pengaruh Bahasa Malaysia ke dalam Bahasa Peranakan". Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.

William Gwee Thian Hock, 1993. *Mas Sepuloh, Baba Conversational Gems*. Singapore: Armor Publishing Pte. Ltd.

Winford, D., 2004. *Language in Contact*. Bahan internet di alamat <http://www.Isadc.rg/fields/index.php?aaa=contact.html>

Wong Khok Seng, "Penukaran Kod dalam Perbualan" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, hlm.1052, Disember 1991.

Yap Eng Moi, 1984. "Dialek Melayu Ceti Melaka: Pengenalan Ringkas". Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lampiran 1

Soal Selidik untuk Analisis Domain

**ARAHAN:** Berikut dikemukakan 44 soalan tentang pilihan bahasa ketika bercakap atau berhubung dengan orang-orang tertentu. Sila tandakan ✓ kecerapan bahasa yang digunakan di ruangan yang disediakan. Anda boleh memilih lebih daripada satu bahasa jika didapati perlu. Anda juga diminta memberi markah 1-4 mengikut kecerapan bahasa tersebut digunakan. Markah tersebut adalah seperti petunjuk di bawah:

- PETUNJUK:**
- 1. Jarang-jarang
  - 2. Sekali-sekala
  - 3. Kerap (selalu)
  - 4. Sepanjang masa
- 1 = sometimes
  - 2 = often
  - 3 = usually
  - 4 = always

Bil	SOALAN PILIHAN BAHASA	Sila tandakan ✓ untuk bahasa pilihan anda															
		Bahasa Chetti				Bahasa Inggeris				Bahasa Malaysia				Bahasa Tamil		Bahasa Lain Nyatakan	
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
	Bahasa apakah yang digunakan:																
1.	Ketika bercakap dengan datuk dan nenek?																
2.	Ketika bercakap dengan ibu bapa?																
3.	Ketika bercakap dengan ipar, menutu, besan atau biras?																
4.	Ketika bercakap dengan suami atau isteri?																
5.	Ketika bercakap dengan saudara mara yang datang berkunjung?																
6.	Ketika makan malam atau makan tengah hari bersama keluarga?																
7.	Ketika bercakap dengan adik beradik?																
8.	Ketika menulis surat kepada keluarga?																
9.	Ketika bercakap dengan jiran yang lebih tua?																
10.	Ketika bercakap dengan jiran bukan Chetti																







Sambungan Jadual 1.15

1. Bahasa Kewl Malaysia Chini

2. Bahasa Iqarri

3. Bahasa Malaysia

4. Bahasa Temil

5. Bahasa Lain (Cina)

	Bilada	Pertolan	Pengalun	Bahasa	Sekolah	Giliran	Sekas	Petrian	Pulang	Keruluban	Agensi dan ada
40	Informan 40	1,4	1,4	1,2,3	2,3	2,3	1	2,3	-	1	1
41	Informan 41	1,4	1,4	1,3,4	2,3	1,4	1,3	2,3	2,4	1,4	1
42	Informan 42	1,4	1	1,4	2	1,4	1	2,3	4	1	1
43	Informan 43	1,4	1	1,4	2,3	2,3	1	2,3	4	1	1
44	Informan 44	1	1	1,2,3	2,3	2,3	3	2	4	1	1
45	Informan 45	1,4	1,4	1,4	2,3	2,3	3	2,3	4	1	1
46	Informan 46	1,4	1,4	1,2	3	1,2	1	2,3	-	1	1
47	Informan 47	1,4	1,4	1,4	2,3	2,3	2,3	2,3	-	1	1
48	Informan 48	4	4	2	2	2	2	2	Agensi	1	1
49	Informan 49	1	1	1,4	3	2	1	2	4	1	1
50	Informan 50	1,4	1,4	1	2	2,4	1,2	2,3	4	1,2,3	1,4
51	Informan 51	1	1	1,4	2,3	1,2,3	1,2	2,3	4	1,2,3	1
52	Informan 52	4	4	2	2	2	2	2	2	1	1
53	Informan 53	4	1,4	1,4	2,3	2,4	1,4	2	4	1,4	1
54	Informan 54	1,4	1,4	1,4	3	2,4	1,2	2	Mentor	1	1,2,3
55	Informan 55	1,4	1	1,4	3	1,2,3	1,3	3	4	1,2,3	1
56	Informan 56	1	1	1	3	1,2,3	1	2	5	1	1
57	Informan 57	4	1	4	3	1,2	2	2	4	1	1
58	Informan 58	1,4	1,4	1,4	3	2	2	2	5	1	1
59	Informan 59	9	1,4	1,4	3	2	2	2	5	1	1
60	Informan 60	6	1	1	3	1,2	1,2	2	5	1,2,3	1